

## D.R. 52/2006

# RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2006

## SUSUNAN FASAL

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

### BAHAGIAN II

#### PENTADBIRAN AKTA

3. Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah
4. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, pegawai dan pekhidmat lain
5. Kuasa Pendaftar
6. Kuasa perwakilan

### BAHAGIAN III

#### PERTUBUHAN BELIA

##### Bab 1

#### *Pendaftaran*

7. Permohonan bagi pendaftaran Kuasa
8. Pendaftar menghendaki maklumat
9. Pendaftaran dan penolakan pendaftaran
10. Perakuan pendaftaran

*Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan belia berdaftar*

## Fasal

11. Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan belia berdaftar
12. Ketua pertubuhan belia
13. Kehilangan kelayakan yang terpakai kepada pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan belia berdaftar
14. Representasi
15. Syarat penghentian kehilangan kelayakan
16. Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan salinan yang diakui sah oleh Pendaftar
17. Perubahan nama, tempat urusan dan kaedah-kaedah pertubuhan belia berdaftar
18. Cawangan pertubuhan belia
19. Tanggungan pertubuhan belia berdaftar berkenaan dengan kontrak yang dibuat oleh cawangan
20. Pembatalan dan penggantungan
21. Kuasa Pendaftar membuat perintah tertentu berkenaan dengan pertubuhan belia berdaftar
22. Maklumat yang diberikan oleh pertubuhan belia berdaftar
23. Pendaftar meluluskan audit dan perintah sementara bagi pembubaran
24. Orang yang bertanggungjawab membekalkan maklumat
25. Akibat perintah Menteri di bawah seksyen 33, penolakan pendaftaran pertubuhan belia oleh Pendaftar di bawah seksyen 9 dan pembatalan pendaftaran pertubuhan belia di bawah seksyen 20
26. Pemakaian seksyen 25 bagi cawangan pertubuhan belia berdaftar yang menyalahi undang-undang
27. Peletakhakan harta pertubuhan belia yang dibatalkan pendaftarannya kepada pertubuhan belia berdaftar yang baru

*Pertikaian dan Panel Penyelesaian Pertikaian*

28. Pertikaian
29. Panel Penyelesaian Pertikaian

## *Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia*

### Bab 4

#### *Rayuan*

Fasal

30. Rayuan

### Bab 5

#### *Peruntukan Am*

31. Pertubuhan belia berdaftar hendaklah bertindak mengikut Perlembagaan
32. Pertubuhan belia disifatkan ditubuhkan di Malaysia
33. Kuasa Menteri mengisytiharkan pertubuhan belia sebagai menyalahi undang-undang

## BAHAGIAN IV

### PEMBANGUNAN BELIA

34. Dasar berhubung dengan pembangunan belia

## BAHAGIAN V

### MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA

35. Majlis Perundingan Belia Negara
36. Fungsi Majlis
37. Keanggotaan Majlis
38. Majlis boleh mengundang orang lain ke persidangan atau mesyuarat
39. Tempoh jawatan
40. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
41. Pengosongan jawatan
42. Pengisian kekosongan
43. Jawatankuasa
44. Sekretariat
45. Saraan atau elaun
46. Persidangan Majlis
47. Kehilangan kelayakan menjadi anggota
48. Penguntukan dana

*Rang Undang-Undang*

## BAHAGIAN VI

## BADAN INDUK PERTUBUHAN BEUA DI PERINGKAT KEBANGSAAN

## Bab 1

*Peruntukan Am*

Fasal

49. Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan
50. Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan
51. Laporan tahunan

## Bab 2

*Penguntukan kewangan dan bantuan*

52. Permohonan bagi penguntukan tahunan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan
53. Kelulusan penguntukan kewangan dan bantuan
54. Akaun dan audit badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan

## BAHAGIAN VII

## INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

## Bab 1

*Peruntukan Am*

55. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
56. Meterai perbadanan
57. Fungsi Institut
58. Kuasa Institut

## Bab 2

*Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan  
Pembangunan Belia Malaysia*

59. Lembaga Pengarah
60. Keanggotaan Lembaga
61. Kuasa dan fungsi Lembaga
62. Tempoh jawatan

Fasal

63. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
64. Pengosongan jawatan
65. Perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga
66. Jawatankuasa Lembaga
67. Saraan dan elaun
68. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
69. Kesahan perbuatan dan presiding

Bab 3

*Peruntukan yang berhubungan dengan kakitangan*

70. Ketua Pegawai Eksekutif
71. Pelantikan pegawai

Bab 4

*Kewangan*

72. Penubuhan Kumpulan Wang
73. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang
74. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
75. Pemeliharaan Kumpulan Wang
76. Kuasa untuk melabur
77. Akaun dan laporan
78. Tatacara kewangan
79. Tahun kewangan

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN

80. Pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
81. Penaiti kerana mengurus, dsb., pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
82. Penaiti kerana menghadiri mesyuarat, dsb., pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
83. Penaiti bagi orang yang membenarkan pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang dalam premis

»

*Rang Undang-Undang*

Fasal

84. Penalti, kerana menghasut dsb., seseorang supaya menjadi seorang ahli pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
85. Penalti kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
86. Penalti kerana menyiarkan, dsb., dakyah pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
87. Penalti kerana bertindak bagi pihak atau mewakili suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
88. Penalti pemegang jawatan dalam pertubuhan belia yang pendaftarannya telah dibatalkan
89. Penggunaan bendera, simbol, lambang, lencana dan tanda kebesaran lain bagi pertubuhan belia
90. Liabiliti pemegang jawatan berkenaan dengan kesalahan oleh pertubuhan belia
91. Pertubuhan belia yang menggunakan upacara kongsi gelap disifatkan sebagai pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang
92. Penalti kerana salah guna wang atau harta pertubuhan belia berdaftar
93. Penalti kerana mempamerkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang telah dibatalkan
94. Penalti bagi fraud
95. Penalti kerana memberikan maklumat palsu
96. Anggapan
97. Anggapan mengenai keanggotaan, dsb., pertubuhan belia
98. Keterangan pakar
99. Perlindungan pemberi maklumat
100. Pelucuthakan
101. Kesalahan tertentu yang tidak boleh dijamin dan yang kena didaftarkan

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

102. Pegawai penguat kuasa
103. Kuasa pegawai penguat kuasa
104. Penzahiran kad kuasa
105. Kuasa membuat pemeriksaan
106. Penzahiran dokumen, dsb.
107. Penyitaan dokumen, dsb.

*Pertubuhan Bella dan Pembangunan Bella*

Fasal

108. Permohonan waran geledah
109. Kuasa Majistret untuk mengeluarkan waran geledah
110. Kuasa untuk memasuki premis tanpa waran atau notis
111. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
112. Kuasa untuk mengelak

BAHAGIAN X

PELBAGAI

113. Pekhidmat awam
114. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
115. Kewajipan kerahsiaan
116. Perwakilan dalam prosiding sivil
117. Pendakwaan
118. Perlindungan
119. Ketidaklayakan kos prosiding, ganti rugi atau relief lain, dsb,
120. Pindaan Jadual
121. Peraturan-peraturan
122. Kesalahan am
123. Kuasa am Menteri
124. Peruntukan peralihan
125. Pencegahan anomali

JADUAL PERTAMA JADUAL

KEDUA JADUAL KETIGA

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia, untuk menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara, untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.**(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"aktiviti belia" ertinya apa-apa aktiviti melibatkan belia yang antara objektifnya termasuklah yang berikut:

- (a) untuk membina peribadi belia;
- (b) untuk meningkatkan kesetiaanegaraan di kalangan belia;
- (c) untuk menyebarkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- (d) untuk mewujudkan kesedaran di kalangan belia terhadap unsur dan nilai negatif;
- (e) untuk membolehkan belia mempunyai kesedaran terhadap kebudayaan, alam sekitar, sukan, kesihatan, kerohanian dan kebajikan sosial;
- (f) untuk memberikan peluang bagi penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti bandar dan luar bandar;
- (g) untuk memberikan peluang bagi latihan kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan; dan
- (h) untuk membantu belia menyesuaikan diri dan membentuk sikap positif dalam menghadapi cabaran dan desakan hidup melalui penggunaan komponen pendidikan dan kemahiran hidup;

"badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan" ertinya suatu pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Akta ini dan diiktiraf sebagai badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan di bawah seksyen 49;

"belia" ertinya seseorang yang berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun;

"Institut" ertinya Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 55;

"ketua" termasuklah Presiden, Yang Dipertua, Pengerusi atau apa-apa kedudukan tertinggi yang merujuk kepada jawatan teratas dalam pertubuhan belia;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang bertanggungjawab bagi belia yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

"Lembaga" ertinya Lembaga Pengarah Institut yang ditubuhkan di bawah seksyen 59;

"Majlis" ertinya Majlis Perundingan Belia Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 35;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal belia;

"Panel" ertinya Panel Penyelesaian Pertikaian di bawah seksyen 29;

"pemegang jawatan" ertinya mana-mana orang yang menjadi presiden atau naib presiden, atau setiausaha atau bendahari sesuatu pertubuhan atau mana-mana cawangan pertubuhan, atau yang menjadi anggota jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhannya, atau mana-mana cawangannya atau yang memegang apa-apa jawatan atau kedudukan dalam pertubuhan itu atau cawangan sesuatu pertubuhan yang sama dengan mana-mana yang tersebut di atas;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Pertubuhan Belia yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

"pertubuhan" termasuklah mana-mana kelab, syarikat, perkongsian, atau persatuan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal, yang mengandungi tujuh orang atau lebih tetapi tidak termasuk—

- (a) mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;
- (b) mana-mana syarikat atau persatuan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan atau dikehendaki didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kesatuan sekerja yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;
- (d) mana-mana syarikat, persatuan atau perkongsian yang ditubuhkan bagi maksud semata-mata untuk menjalankan apa-apa urusan yang sah di sisi undang-undang yang mempunyai objek untuk memperoleh keuntungan oleh syarikat, persatuan atau perkongsian itu, atau oleh anggota-anggota perseorangannya;

- (e) mana-mana koperasi, yang didaftar sedemikian, di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (f) mana-mana organisasi atau persatuan yang telah diberi suatu perakuan oleh seseorang atau sesuatu pihak berkuasa yang dilantik di bawah peruntukan undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan pendaftaran sekolah dan bahawa organisasi atau persatuan itu menjadi sebahagian daripada kurikulum sesuatu sekolah; atau
- (g) mana-mana sekolah, jawatankuasa pengurusan sesuatu sekolah, persatuan ibu bapa atau persatuan ibu bapa dan guru yang didaftarkan atau dikecualikan daripada pendaftaran di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang mengawal sekolah;

"pertubuhan belia" ertinya mana-mana pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- (a) mempunyai nama yang mengandungi perkataan "belia" atau suatu perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpama atau sama dengan belia;
- (b) kesemua anggotanya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun atau mana-mana gabungan atau kumpulan pertubuhan yang keanggotaannya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun; dan
- (c) mempunyai objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belia;

"pertubuhan belia berdaftar" ertinya suatu pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah subseksyen 9(1).

## BAHAGIAN. II

### PENTADBIRAN AKTA

#### **Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah**

3. (1) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam untuk menjadi Ketua Pengarah bagi maksud menjalankan atau melaksanakan dasar atau arahan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah Bahagian IV yang berhubungan dengan pembangunan belia.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melantik daripada kalangan perkhidmatan awam, apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan mana-mana pegawai lain sebagaimana yang perlu untuk membantu Ketua Pengarah melaksanakan fungsi dan tugasnya di bawah Akta ini.

(3) Semua pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada pengawasan, arahan dan kawalan Ketua Pengarah.

**Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar, pegawai dan pekhidmat lain**

4. (1) Seorang Pendaftar Pertubuhan Belia hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Menteri boleh melantik seorang Timbalan Pendaftar Pertubuhan Belia dan apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pertubuhan Belia, pegawai dan pekhidmat lain yang hendaklah terletak di bawah arahan dan kawalan am Pendaftar.

(3) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa dan menjalankan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini, dan semasa ketiadaannya kuasa dan fungsi sedemikian boleh dipunyai atau dijalankan oleh Timbalan Pendaftar.

(4) Penolong Pendaftar boleh menjalankan semua kuasa dan fungsi yang diberikan kepada Pendaftar oleh atau di bawah Akta ini, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang boleh dikenakan oleh Pendaftar.

(5) Semua pegawai dan pekhidmat lain yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].

**Kuasa Pendaftar**

5. Sebagai tambahan kepada kuasa, tugas dan fungsi yang diberikan kepada Pendaftar oleh Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa, menunaikan segala tugas dan melaksanakan segala fungsi sebagaimana yang perlu bagi maksud menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan Akta ini.

**Kuasa perwakilan**

6. (1) Pendaftar boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini, kecuali kuasa perwakilan di bawah seksyen ini, kepada Timbalan Pendaftar atau mana-mana Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah subseksyen 4(2).

(2) Apa-apa perwakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada apa-apa sekatan dan batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar dalam surat cara perwakilan itu.

**BAHAGIAN III****PERTUBUHAN BELIA****Bab 1***Pendaftaran***Permohonan bagi pendaftaran**

7. (1) Tiap-tiap pertubuhan belia, selain yang berkenaan dengannya suatu perintah dibuat di bawah seksyen 33 sedang berkuat kuasa hendaklah, mengikut cara yang ditetapkan memohon kepada Pendaftar untuk pendaftaran di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap pertubuhan belia hendaklah berdaftar dengan Pendaftar kecuali —

- (a) mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di bawah mana-mana Akta yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama; dan
- (b) mana-mana sayap belia kepada apa-apa pertubuhan selain pertubuhan belia.

(3) Tiap-tiap pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] hendaklah, dalam masa dua belas bulan dari tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini atau apa-apa tempoh yang dipersetujui oleh Menteri, memohon kepada Pendaftar supaya didaftarkan di bawah Akta ini.

(4) Sehingga Pendaftar meluluskan pendaftaran mana-mana pertubuhan belia di bawah subseksyen (3), Akta Pertubuhan 1966 hendaklah terus terpakai bagi mana-mana pertubuhan belia.

**Kuasa Pendaftar menghendaki maklumat**

8. (1) Pendaftar boleh,berhubung dengan mana-mana permohonan bagi pendaftaran di bawah subseksyen 7(1) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini atau peraturan-peraturan, meminta apa-apa maklumat lanjut dan membuat apa-apa pertanyaan, sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Jika seseorang yang membuat apa-apa permohonan gagal membekalkan maklumat lanjut yang diminta, atau menjawab pertanyaan yang dibuat, di bawah subseksyen (1), hingga memuaskan hati Pendaftar, Pendaftar boleh menolak permohonan itu.

**Pendaftaran dan penolakan pendaftaran**

9. (1) Apabila sesuatu permohonan di bawah subseksyen 7(1) diterima, Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada peruntukan seksyen ini dan apa-apa syarat yang disifatkan oleh Pendaftar patut dikenakan, mendaftarkan pertubuhan belia yang membuat permohonan itu.

(2) Pendaftar boleh menolak pendaftaran mana-mana pertubuhan belia jika—

- (a) beliau berpuas hati bahawa pertubuhan belia itu ialah cawangan mana-mana pertubuhan belia yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah perenggan 20(1)(c) atau di bawah Akta Pertubuhan 1966;
- (b) beliau tidak berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah mematuhi peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (c) sesuatu pertikaian wujud di kalangan anggota pertubuhan itu tentang orang yang akan menjadi pemegang jawatan atau yang akan memegang atau mentadbir apa-apa harta pertubuhan itu sehingga pertikaian itu diselesaikan.

(3) Pendaftar hendaklah menolak pendaftaran mana-mana pertubuhan belia jika—

- (a) ternyata pada Pendaftar bahawa pertubuhan itu adalah menyalahi undang-undang menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mungkin digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang

atau bagi apa-apa maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau kemoralan di Malaysia;

- (b) pertubuhan itu telah diisytiharkan oleh Menteri sebagai menyalahi undang-undang di bawah seksyen 33;
- (c) Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu tidak wujud;
- (d) nama pertubuhan itu yang hendak didaftarkan —
  - (i) ternyata pada Pendaftar adalah mengelirukan atau dikira sebagai mengelirukan orang awam tentang sifat atau maksud pertubuhan itu yang sebenarnya atau hampir menyerupai nama pertubuhan lain sehingga boleh memperdayakan orang awam atau anggota salah satu pertubuhan itu;
  - (ii) adalah sama dengan nama mana-mana pertubuhan belia lain yang sedia ada; atau
  - (iii) adalah, pada pendapat Pendaftar, tidak diingini; atau
- (e) perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mengandungi peruntukan bagi segala hal yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Jika Pendaftar telah menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan belia di bawah seksyen ini, peruntukan seksyen 25 hendaklah terpakai bagi pertubuhan belia itu.

(5) Mana-mana pertubuhan yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atasnya oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

### **Perakuan pendaftaran**

**10.** Pendaftar, apabila mendaftarkan suatu pertubuhan belia di bawah subseksyen 9(1), hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan kepada pertubuhan itu, dan perakuan itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan telah dibatalkan, menjadi keterangan konklusif bagi segala maksud bahawa pertubuhan itu telah didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini.

Bab 2

*Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan belia berdaftar*

**Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan belia berdaftar**

**11.** Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi pertubuhan belia berdaftar:

- (a) harta alih mana-mana pertubuhan belia, jika tidak terletak hak pada pemegang amanah, hendaklah disifatkan terletak hak pada masa itu pada badan pengelola pertubuhan belia itu, dan boleh, dalam semua prosiding sivil dan jenayah, diperihalkan sebagai harta badan pengelola pertubuhan belia itu dengan gelaran yang betul jika diketahui;
- (b) harta tak alih mana-mana pertubuhan belia boleh, jika tidak didaftarkan atas nama pemegang amanah, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, didaftarkan atas nama pertubuhan belia itu, dan segala surat cara yang berhubungan dengan harta itu adalah sah dan berkuat kuasa seolah-olah surat cara itu telah disempurnakan oleh seorang pemunya berdaftar, dengan syarat bahawa surat cara itu disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan yang pada masa pertubuhan belia itu, yang pelantikan mereka adalah disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar dan dimeteraikan dengan meterai pertubuhan belia itu;
- (c) suatu pertubuhan belia boleh membawa guaman atau dibawa guaman atas nama mana-mana seorang daripada anggotanya sebagaimana yang dinyatakan kepada Pendaftar dan didaftarkan oleh Pendaftar sebagai pegawai awam pertubuhan belia itu bagi maksud itu, dan, sekiranya tiada seorang seperti itu didaftarkan, adalah kompeten bagi mana-mana orang yang mempunyai suatu tuntutan atau permintaan terhadap pertubuhan belia itu untuk membawa guaman terhadap pertubuhan belia itu atas nama mana-mana pemegang jawatan pertubuhan belia itu;
- (d) tiada guaman atau prosiding oleh atau terhadap mana-mana pertubuhan belia dalam mana-mana mahkamah sivil boleh terhenti atau diberhentikan disebabkan oleh orang yang membawa atau yang terhadapnya guaman atau prosiding itu dibawa atau diteruskan, meninggal dunia atau tidak lagi memegang jawatan yang atas namanya dia

telah membawa guaman atau dibawa guaman, tetapi guaman atau prosiding yang sama boleh diteruskan atas nama, oleh atau terhadap, pengganti orang itu;

- (e)
  - (i) tiada penghakiman dalam apa-apa guaman terhadap mana-mana pertubuhan belia boleh dilaksanakan terhadap orang atau harta orang yang dibawa guaman itu tetapi terhadap harta pertubuhan belia itu;
  - (ii) permohonan untuk perlaksanaan hendaklah mengandungi penghakiman itu, butir mengenai pihak yang membawa guaman atau dibawa guaman, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi pihak pertubuhan belia dan permohonan itu hendaklah menghendaki supaya penghakiman itu dikuatkuasakan terhadap harta pertubuhan belia itu;
- (f) mana-mana anggota yang —
  - (i) gagal untuk membayar yuran keahlian yang menurut kaedah pertubuhan belia yang dia menjadi anggota, dia terikat untuk membayar;
  - (ii) terhutang wang kepada pertubuhan belia;
  - (iii) mengambil milik atau menahan apa-apa harta pertubuhan belia berlawanan dengan kaedah pertubuhan belia itu; atau
  - (iv) merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta pertubuhan belia,

boleh didakwa bagi yuran keahlian atau wang atau kerosakan yang timbul daripada perbuatan memiliki secara salah, menahan, merosakkan atau memusnahkan harta itu;

Dengan syarat bahawa sekiranya defendan berjaya dalam guaman itu dan diawardkan kos, defendan boleh memilih untuk menuntut kos itu daripada pegawai yang atas namanya guaman itu telah dibawa atau daripada pertubuhan belia dan sekiranya daripada pertubuhan belia, dia boleh mendapat perlaksanaan terhadap harta pertubuhan belia itu;

(g) mana-mana anggota yang —

- (i) mencuri atau yang menyalahgunakan dengan curang atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri, apa-apa wang atau harta lain;
- (ii) dengan sengaja atau niat memusnahkan atau merosakkan apa-apa harta pertubuhan belia; atau
- (iii) memalsukan apa-apa surat cara ikatan, bon, cagaran untuk wang, resit atau surat cara lain yang mendedahkan dana pertubuhan belia kepada kerugian,

bolehlah didakwa dan dihukum seolah-olah dia bukan seorang anggota; dan

(h) jika tiada apa-apa peruntukan tertentu dalam kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan belia, tidak kurang tiga per lima daripada bilangan ahli bagi mana-mana pertubuhan belia itu yang tinggal di Malaysia boleh memutuskan supaya pertubuhan belia itu dibubarkan dengan serta-merta atau pada masa yang dipersetujui, dan segala langkah yang perlu hendaklah diambil untuk melupuskan dan menyelesaikan harta pertubuhan belia itu, tuntutan dan tanggungan, mengikut kaedah, jika ada, pertubuhan belia itu yang terpakai dan jika tiada kaedah sedemikian, maka ia hendaklah mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh badan pengelolanya:

Dengan syarat bahawa jika apa-apa pertikaian timbul antara anggota badan pengelola atau anggota pertubuhan belia itu di bawah perenggan (h), pertikaian itu hendaklah diselesaikan menurut peruntukan seksyen 28 dan 29.

### **Ketua pertubuhan belia**

**12.** Mana-mana anggota yang dilantik atau dipilih sebagai ketua dalam mana-mana pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah memegang jawatan untuk suatu tempoh tidak melebihi enam tahun secara berterusan.

**Kehilangan kelayakan yang terpakai kepada pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan belia berdaftar**

13. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (4), seseorang hendaklah hilang kelayakan daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi atau kekal, sebagai pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan belia berdaftar—

- (a) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya;
- (c) jika terdapat apa-apa perintah tahanan, sekatan, kawal seliaan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan atau ketenteraman awam Malaysia atau mana-mana bahagiannya, atau dengan pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri atau imigresen yang sedang berkuat kuasa terhadapnya;
- (d) jika dia adalah seorang bankrap yang masih belum dilepaskan;
- (e) jika dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal;
- (f) jika dia mati; atau
- (g) tertakluk kepada seksyen 14, jika dia didapati tidak layak memegang jawatan berkenaan oleh Pendaftar atas apa-apa sebab sebagaimana yang difikirkan sesuai dan perlu oleh Pendaftar.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan 1(b) hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun bermula dari tarikh orang yang disabitkan itu dibebaskan daripada jagaan atau tarikh yang denda tersebut dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Kehilangan kelayakan mana-mana orang di bawah perenggan 1(c) hendaklah terhenti sebaik sahaja orang berkenaan dilepaskan daripada perintah yang berkaitan.

(4) Kehilangan kelayakan mana-mana pemegang jawatan disebabkan oleh kebangkrapan hendaklah terhenti apabila perintah penerimaan dan penghukuman telah dibatalkan.

(5) Jika Pendaftar memaklumkan, melalui notis yang ditandatangani, sesuatu pertubuhan belia bahawa mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja pertubuhan belia itu telah hilang kelayakan di bawah subseksyen (1), pertubuhan belia itu hendaklah dengan serta-merta menguatkuasakan kehilangan kelayakan itu.

(6) Mana-mana orang yang kehilangan kelayakan di bawah perenggan (a), (b) atau (c) boleh memohon kepada Pendaftar untuk dikecualikan daripada kehilangan kelayakan tersebut, dan Pendaftar boleh, jika beliau berpendapat adalah patut berbuat demikian, memberi pengecualian kepadanya untuk tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar dan tertakluk kepada batasan, sekatan, terma atau syarat sebagaimana yang diputuskan untuk dikenakan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan subseksyen (1), selain perenggan (l)(e) dan (f), atau apa-apa batasan, sekatan, terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(8) Bagi maksud subseksyen (1), "pemegang jawatan" termasuklah —

- (a) seorang anggota mana-mana jawatankuasa kecil atau badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola pertubuhan belia berdaftar, atau oleh badan pengelola sesuatu cawangan pertubuhan belia itu;
- (b) mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal atau penjalanan mana-mana aktiviti, sesuatu pertubuhan belia berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan belia itu; dan
- (c) mana-mana orang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan belia berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan belia itu, dalam apa-apa perkara, selain seseorang yang bukan anggota pertubuhan belia itu, diambil oleh pertubuhan belia itu untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan belia atau mana-mana cawangan pertubuhan itu dalam kapasiti profesionalnya atau melalui perkiraan kontrak.

(9) Mana-mana orang yang, sebaik sebelum mula berkuat kuasanya seksyen ini, merupakan pemegang jawatan, penasihat, atau pekerja suatu pertubuhan belia berdaftar boleh, meneruskan jawatan yang berkenaan sehingga tamat tempoh semasa jawatannya atau pelantikan atau penamatan kontrak perkhidmatannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, walaupun dia hilang kelayakan di bawah subseksyen (1).

### **Representasi**

**14.** (1) Pendaftar boleh memberikan notis kepada mana-mana pemegang jawatan pertubuhan belia berdaftar untuk membuat representasi kepada Pendaftar sebelum pemegang jawatan itu boleh dihilangkan kelayakan oleh Pendaftar daripada memegang jawatan di bawah perenggan 3(l)(g).

(2) Representasi itu boleh dibuat secara hadir sendiri atau melalui pengemukaan dokumen atau kedua-duanya sekali di hadapan Pendaftar.

(3) Representasi itu hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis oleh Pendaftar kepada pemegang jawatan.

(4) Mana-mana pemegang jawatan pertubuhan belia berdaftar yang hilang kelayakan daripada memegang jawatan boleh merayu kepada Menteri terhadap keputusan Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(5) Keputusan Menteri terhadap sesuatu rayuan adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana mahkamah di Malaysia.

### **Syarat penghentian kehilangan kelayakan**

**15.** Penghentian kehilangan kelayakan seseorang pemegang jawatan pertubuhan belia berdaftar hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa dia belum mencapai umur empat puluh tahun pada tarikh penghentian kehilangan kelayakan itu.

**Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan salinan yang diakui sah oleh Pendaftar**

16. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), dokumen yang difailkan dengan Pendaftar menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan apa-apa salinan bagi apa-apa perakuan, perintah, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah Akta ini boleh, apabila fi yang ditetapkan dibayar—

(a) diperiksa oleh mana-mana orang; atau

(b) diperoleh oleh mana-mana orang daripada Pendaftar:

Dengan syarat bahawa orang yang memohon untuk memeriksa atau mendapatkan salinan itu menyatakan maksud yang dia kehendaki dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu adalah maksud yang sah di sisi undang-undang, dan pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

(2) Tiada seorang pun, selain seorang yang Pendaftar berpuas hati merupakan anggota suatu pertubuhan belia berdaftar, boleh memeriksa atau mendapatkan daripada Pendaftar akaun pertubuhan belia itu atau salinannya.

(3) Suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang diterima di pejabat Pendaftar yang diperakui sebagai salinan atau cabutan yang benar yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar hendaklah, dalam mana-mana prosiding boleh diterima sebagai keterangan tanpa apa-apa bukti selanjutnya.

**Perubahan nama, tempat urusan dan kaedah-kaedah pertubuhan belia berdaftar**

17. (1) Tiada pertubuhan belia berdaftar boleh—

(a) mengubah nama atau tempat urusannya; atau

(b) meminda kaedah-kaedahnya,

tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar, dan sesuatu permohonan bagi apa-apa perubahan, atau pindaan kepada kaedah-kaedahnya hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari dari tarikh keputusan bagi membuat perubahan atau pindaan itu.

(2) Jika mana-mana pertubuhan belia berdaftar tidak mematuhi seksyen ini, pertubuhan belia berdaftar itu dan tiap-tiap pemegang jawatannya melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(3) Bagi maksud seksyen ini —

- (a) ungkapan "pinda" dan ungkapan yang seumpamanya hendaklah termasuk sesuatu kaedah baru dan ketetapan yang membatalkan sesuatu kaedah; dan
- (b) ungkapan "kaedah-kaedah" termasuklah matlamat dan tujuan penubuhan pertubuhan belia, atau yang boleh dicapainya, atau penggunaan dananya, kelayakan bagi keanggotaan dan bagi memegang apa-apa jawatan, cara pelantikan atau pemilihan untuk mana-mana jawatan, kaedah-kaedah yang dengannya pertubuhan belia itu ditadbirkan dan, kaedah dan cara dengan dan dalamnya mana-mana perkara di atas dipinda.

### **Cawangan pertubuhan belia**

**18.** (1) Tiada pertubuhan belia berdaftar boleh menubuhkan sesuatu cawangan tanpa kelulusan bertulis terdahulu Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh enggan memberi keizinan bagi penubuhan sesuatu cawangan pertubuhan belia berdaftar jika—

- (a) kaedah-kaedah pertubuhan belia berdaftar itu tidak mengadakan peruntukan bagi penubuhan apa-apa cawangannya; atau
- (b) kaedah-kaedah cawangan pertubuhan belia berdaftar itu adalah sedemikian sehingga menjadikan cawangan pertubuhan belia berdaftar itu sebagai suatu pertubuhan yang bebas di bawah kawalan pertubuhan belia itu.

(3) Jika suatu pertubuhan belia berdaftar menubuhkan sesuatu cawangan tanpa mendapat kelulusan terdahulu Pendaftar, cawangan yang ditubuhkan sedemikian hendaklah menjadi suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang:

Dengan syarat bahawa sesuatu cawangan bagi mana-mana pertubuhan belia berdaftar yang ditubuhkan dan yang wujud sebaik sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah tidak disifatkan

sebagai suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang jika dalam tempoh enam bulan daripada berkuat kuasanya Akta ini atau apa-apa tempoh lanjut yang tidak melebihi tiga bulan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar, pertubuhan belia itu memohon kepada Pendaftar secara bertulis untuk kelulusannya di bawah seksyen ini, dan dalam menimbangkan permohonan itu Pendaftar hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen (2).

(4) Peruntukan Akta ini, selain subseksyen 7(1), seksyen 9 dan 10, hendaklah terpakai kepada mana-mana cawangan pertubuhan belia berdaftar yang dibenarkan di bawah seksyen ini seolah-olah cawangan itu adalah suatu pertubuhan belia berdaftar di bawah Bahagian **III** Akta ini.

(5) Jika kelulusan untuk menubuhkan suatu cawangan telah diberikan, cawangan itu hendaklah ditubuhkan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kelulusan itu melainkan jika Pendaftar telah memberikan pelanjutan masa.

**Tanggungjawab pertubuhan belia berdaftar berkenaan dengan kontrak yang dibuat oleh cawangan**

**19.** (1) Walau apa pun yang diperuntukkan dalam seksyen 18, sesuatu pertubuhan belia berdaftar tidak boleh membawa guaman atau dibawa guaman berkenaan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh mana-mana cawangannya atau **oleh** mana-mana pemegang jawatan cawangan itu, melainkan jika kontrak itu —

- (a) telah dibuat oleh cawangan menurut kebenaran nyata yang diberikan kepada cawangan itu oleh jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhan belia berdaftar itu; atau
- (b) adalah suatu kontrak dalam kelas atau perihalan tertentu yang cawangan itu diberi kuasa secara am atau khusus oleh pertubuhan belia berdaftar itu untuk membuat kontrak, dan,

peruntukan perenggan 11(c), (d) dan (e) hendaklah ditafsirkan sewajarnya dalam pemakaiannya kepada apa-apa guaman, prosiding, penghakiman, atau permohonan bagi pelaksanaan berhubung dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh sesuatu cawangan pertubuhan belia berdaftar.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), jika sesuatu cawangan, yang dalam subseksyen ini disebut sebagai "cawangan bawahan", adalah di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan lain, yang disebut "cawangan atasan", dalam subseksyen ini, cawangan atasan itu boleh membawa guaman atau dibawa guaman bagi kontrak yang dibuat oleh cawangan bawahan jika—

- (a) kontrak itu dibuat menurut kuasa kebenaran bertulis yang nyata yang diberi oleh cawangan atasan; atau
- (b) kontrak itu adalah suatu kontrak yang termasuk dalam kelas atau perihalan kontrak yang cawangan bawahan itu diberi kuasa oleh cawangan atasan untuk membuatnya:

Dengan syarat bahawa sesuatu cawangan hendaklah dalam apa-apa hal disifatkan berada di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan lain jika anggota cawangan atasan itu adalah dicalonkan atau dipilih atau selainnya dipilih daripada anggota cawangan bawahan.

### **Pembatalan dan penggantungan**

**20. (1)** Tertakluk kepada subseksyen (2), Pendaftar boleh dalam hal-hal yang berikut, membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan belia berdaftar di bawah seksyen 9:

- (a) apabila pembubarannya oleh pertubuhan belia berdaftar hendaklah ditentusahkan mengikut cara yang dikehendaki oleh Pendaftar atau apabila pembubarannya oleh Pendaftar mengikut Akta ini;
- (b) atas perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 33;
- (c) jika Pendaftar berpuas hati —
  - (i) bahawa pendaftaran itu telah dibuat disebabkan fraud atau kesilapan atau salah nyataan dalam apa-apa butir yang material;

- (ii) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu mungkin digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, atau kemoralan di Malaysia;
  - (iii) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu meneruskan objektif selain objektif yang pertubuhan belia itu didaftarkan;
  - (iv) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu telah dengan sengaja melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana kaedahnya atau bahawa mana-mana anggota pertubuhan belia berdaftar itu telah secara kebiasaannya melanggar peruntukan subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] melalui apa-apa perbuatan atau ungkapan yang perenggan 3(1)(/) Akta itu terpakai;
  - (v) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu telah terhenti wujud;
  - (vi) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu telah tidak mematuhi sesuatu perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen 21;
  - (vii) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu telah tidak mematuhi peruntukan seksyen 31; atau
  - (viii) bahawa pertubuhan belia berdaftar itu telah melanggar peruntukan seksyen 91; dan
- (d) apabila pertubuhan belia berdaftar itu menjadi pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 23(6) kerana gagal memberikan maklumat bertulis.
- (2) Jika Pendaftar bercadang untuk membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan belia berdaftar di bawah perenggan 1(c), Pendaftar—
- (a) hendaklah memberitahu seorang atau lebih pemegang jawatan pertubuhan belia itu tentang niatnya untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan belia itu; dan
  - (b) hendaklah memberi peluang kepadanya atau mereka untuk mengemukakan sebab secara bertulis mengapa tidak patut dibatalkan pendaftaran itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu.

(3) Pendaftar boleh, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b), melalui perintah secara bertulis menggantung semua atau mana-mana kegiatan pertubuhan belia —

(a) jika difikirkannya perlu berbuat demikian —

(i) demi kepentingan awam; atau

(ii) demi kepentingan pertubuhan belia berdaftar itu; atau

(b) untuk menghalang pertubuhan belia itu daripada terus melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana kaedah pertubuhan belia itu.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat dibawah subseksyen (3) —

(a) boleh mengandungi apa-apa syarat yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pendaftar; dan

(b) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga perintah itu atau pendaftaran pertubuhan belia itu dibatalkan.

(5) Seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan belia yang tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(6) Jika Pendaftar membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan belia di bawah seksyen ini atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini, peruntukan seksyen 25 hendaklah terpakai bagi pertubuhan belia itu dan pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Kuasa Pendaftar membuat perintah tertentu berkenaan dengan pertubuhan belia berdaftar**

21. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu melakukannya demi kepentingan mana-mana pertubuhan belia berdaftar, atau demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan

atau jaminan atau selainnya demi kepentingan awam, Pendaftar boleh pada bila-bila masa, selepas memberi pertubuhan belia itu suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis —

- (a) menghendaki pertubuhan belia itu, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah, memperuntukkan dalam kaedah-kaedah atau perlembagaannya bahawa pemegang jawatan dalam pertubuhan belia itu hendaklah warganegara Malaysia, dan seterusnya menghendaki pertubuhan belia itu menamatkan jawatan mana-mana orang, yang bukan warganegara Malaysia, yang adalah pemegang jawatan sebaik sebelum perintah itu dibuat; atau
- (b) melarang pertubuhan belia itu daripada mengadakan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa penggabungan, pertalian, perhubungan, atau apa-apa pun urusan lain, dengan mana-mana pertubuhan, organisasi, atau apa-apa pun badan yang lain di luar Malaysia dengan mana-mana pihak berkuasa, pihak kerajaan atau selainnya, dalam mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia.

(2) Pendaftar boleh pada bila-bila masa, selepas memberi pertubuhan belia berdaftar itu suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis menghendaki pertubuhan belia itu, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya, supaya—

- (a) mematuhi, atau selaras dan mengikut peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (b) menghapuskan apa-apa ketaksaan atau kekaburan, atau memperuntukkan maksud yang lebih jelas dan tepat dalam mana-mana peruntukan; atau
- (c) memperuntukkan apa-apa perkara lain yang Pendaftar dapati perlu, munasabah atau suai manfaat untuk dikehendaki.

(3) Jika Pendaftar membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) atau (2), dia bolehlah memasukkan ke dalam perintah itu, atau membuat atau memberi pada bila-bila masa, apa-apa kehendak atau arahan berbangkit atau bersampingan berhubung dengan perintah itu sebagaimana yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk dibuat atau diberi.

(4) Pendaftar boleh, melalui permohonan secara bertulis yang dibuat kepadanya oleh suatu pertubuhan belia berdaftar, melanjutkan masa yang diberikan olehnya kepada pertubuhan belia itu dalam mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) jika dia berpuas hati bahawa pertubuhan belia itu telah memberikan alasan yang baik dalam permohonannya dan adalah patut dan sesuai untuk memberikan pelanjutan itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (1), "pemegang jawatan" termasuklah orang yang dinyatakan dalam perenggan 13(S)(a), (b) dan (c).

(6) Mana-mana pertubuhan belia yang melanggar mana-mana perintah yang diberi oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) atau (2) atau apa-apa kehendak atau arahan yang dibuat atau diberi olehnya di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Maklumat yang diberikan oleh pertubuhan belia berdaftar**

**22.** Tiap-tiap pertubuhan belia berdaftar hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari selepas mengadakan mesyuarat agung tahunannya atau sekiranya tiada mesyuarat agung tahunan diadakan, dalam tempoh enam puluh hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar—

- (a) suatu salinan yang benar dan lengkap apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah pertubuhan belia itu yang dibuat sejak tarikh pendaftaran atau tarikh penyata terakhir;
- (b) suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan dan bilangan anggota pertubuhan belia itu yang bermastautin atau berada di Malaysia pada tarikh penyata itu atau, sekiranya tiada seorang pun pemegang jawatan pertubuhan belia itu yang bermastautin atau berada di Malaysia, nama, alamat dan pekerjaan orang di Malaysia yang diberi kuasa untuk bertindak untuk atau bagi pihak pertubuhan belia itu, dan bilangan anggotanya yang sedemikian bersama dengan suatu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang jawatan bagi semua cawangan, jika ada, pertubuhan belia itu;
- (c) alamat atau tempat urusan pertubuhan belia itu;

- (d) akaun bagi tahun kewangan terakhir bagi pertubuhan belia itu bersama dengan kunci kira-kira yang menunjukkan kedudukan kewangan pada penutup tahun kewangan terakhir bagi pertubuhan belia itu;
- (e) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Malaysia yang dengannya pertubuhan belia itu mengikut apa-apa cara bersekutu atau bergabung;
- (f) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan kewangan yang diterima oleh pertubuhan belia itu daripada mana-mana sumber di luar Malaysia dan butir-butir lain yang berkaitan; dan
- (g) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

**Pendaftar meluluskan audit dan perintah sementara bagi pembubaran**

**23.** (1) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa melalui notis, memerintahkan mana-mana pertubuhan belia berdaftar supaya memberi kepadanya—

- (a) suatu salinan yang benar dan lengkap mengenai kaedah-kaedah mana-mana pertubuhan belia itu yang berkuat kuasa pada tarikh perintah itu;
- (b) suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan dan anggota bagi mana-mana pertubuhan belia itu atau mana-mana cawangannya yang bermastautin atau berada di Malaysia pada tarikh perintah itu;
- (c) suatu penyata yang benar dan lengkap bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh mana-mana pertubuhan belia itu atau cawangannya di Malaysia dalam tempoh enam bulan sebaik sebelum perintah itu dengan menyatakan tempat mesyuarat itu diadakan;
- (d) akaun yang diaudit dengan sewajarnya;
- (e) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Malaysia yang bergabung dengan pertubuhan belia itu dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya;

- (f) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan kewangan yang diterima oleh pertubuhan belia itu daripada mana-mana sumber di luar Malaysia dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya; atau
- (g) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(2) Sesuatu notis yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan masa yang tidak kurang daripada empat belas hari yang dalam tempoh itu maklumat itu hendaklah diberikan:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, menurut budi bicaranya, apabila permohonan dibuat kepadanya dan ditunjukkan sebab-sebab yang cukup, memberikan apa-apa pelanjutan masa.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "diaudit dengan sewajarnya" ertinya telah diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan oleh Pendaftar, dan Pendaftar boleh memberikan kelulusan itu dan juruaudit yang diluluskan itu hendaklah membuat laporan tentang akaun yang diperiksa olehnya dalam apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Jika butir-butir yang dikehendaki diberikan di bawah subseksyen (1) tidak diberikan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar boleh membuat suatu perintah sementara bagi pembubaran pertubuhan belia itu.

(5) Jika sebelum tamat tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu butir-butir yang dikehendaki supaya diberikan di bawah subseksyen (1) diberikan sedemikian, Pendaftar boleh membatalkan perintah itu.

(6) Apabila tamat tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu atau, jika ada sesuatu rayuan, apabila rayuan itu ditolak, perintah tersebut hendaklah menjadi mutlak dan pertubuhan belia berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang dan pendaftarannya hendaklah dibatalkan.

(7) Mana-mana pertubuhan belia berdaftar yang, atas alasan kegagalannya mematuhi suatu perintah di bawah seksyen ini, telah dibatalkan pendaftarannya di bawah seksyen 20, tidak layak memohon

bagi pendaftaran sehingga perintah itu telah dipatuhi atau melainkan jika dibuktikan hingga memuaskan hati Pendaftar bahawa adalah mustahil untuk mematuhi perintah itu.

### **Orang yang bertanggungjawab membekalkan maklumat**

**24.** (1) Kewajipan yang dikenakan ke atas pertubuhan belia berdaftar oleh seksyen 22 dan 23 hendaklah mengikat tiap-tiap pemegang jawatan dan orang yang mengurus atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan belia itu di Malaysia:

Dengan syarat sentiasanya bahawa mana-mana pemegang jawatan atau orang lain itu tidak boleh terikat sedemikian melainkan jika perintah yang diberikan oleh Pendaftar telah disampaikan kepadanya.

(2) Jika suatu notis, perintah, atau dokumen lain disampaikan kepada seorang yang telah berhenti menjadi pemegang jawatan sesuatu pertubuhan belia, dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan notis, perintah atau dokumen itu kepada pemegang jawatan yang sedia ada atau, jika tidak diketahui, hendaklah mengembalikannya kepada Pendaftar yang menghantarnya, dan mana-mana orang yang gagal untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

(3) Jika mana-mana pertubuhan belia berdaftar tidak mematuhi kesemua atau mana-mana bahagian perintah yang diberikan di bawah seksyen 22 dan 23, setiap orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang telah disampaikan dengan perintah sedemikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit melainkan jika dia membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa dia telah melaksanakan kebijaksanaan dengan sewajarnya dan telah tidak mematuhi perintah itu atas alasan yang di luar kawalannya.

(4) Jika apa-apa maklumat yang dibekalkan kepada Pendaftar bagi mematuhi apa-apa perintah yang diberikan di bawah seksyen 22 dan 23 adalah palsu, tidak betul atau tidak lengkap tentang mana-mana butir yang material, maka orang yang telah membekalkan maklumat itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit melainkan jika dia membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa dia mempunyai alasan yang baik untuk mempercayai bahawa maklumat itu adalah benar, betul dan lengkap.

**Akibat perintah Menteri di bawah seksyen 33, penolakan pendaftaran pertubuhan belia oleh Pendaftar di bawah seksyen 9 dan pembatalan pendaftaran pertubuhan belia di bawah seksyen 20**

**25.** (1) Apabila apa-apa perintah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 33 atau apabila Pendaftar menolak pendaftaran mana-mana pertubuhan belia di bawah seksyen 9, atau apabila pendaftaran mana-mana pertubuhan belia dibatalkan di bawah peruntukan dalam Akta ini, akibat yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) harta pertubuhan belia itu hendaklah dengan serta-merta terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi, bagi maksud pengkulungan urusan hal ehwal pertubuhan belia itu;
- (b) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah meneruskan dengan pengkulungan urusan hal ehwal pertubuhan belia itu, dan setelah menyelesaikan segala hutang dan liabiliti pertubuhan belia itu dan kos bagi pengkulungan hendaklah membayar aset lebihan, jika ada—
  - (i) atas arahan Menteri, kepada Kumpulan Wang Disatukan jika pendaftaran pertubuhan belia itu telah ditolak atau dibatalkan menurut perintah di bawah seksyen 33 atau atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan 9(3)(a) atau subperenggan 20(1)(Y'Xii) atau jika anggota pertubuhan belia itu meminta sedemikian; dan
  - (ii) dalam hal lain, kepada anggota pertubuhan belia mengikut kaedah-kaedah pertubuhan belia itu, atau jika tiada kaedah sedemikian, maka Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyediakan suatu skim bagi penggunaan aset lebihan itu untuk kelulusan Mahkamah Tinggi;
- (c) permohonan bagi kelulusan skim itu hendaklah dibuat melalui saman pemula dan boleh dipinda oleh Mahkamah mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya betul mengikut hal keadaan kes itu;

- id)* apabila kelulusan Mahkamah terhadap skim atau skim yang dipinda itu, diperoleh harta lebih itu, yang menjadi subjek skim itu hendaklah dipegang dan digunakan oleh Ketua Pengarah Insolvensi mengikut terma dan bagi maksud yang ditetapkan dalam perintah Mahkamah itu; dan
- (e)* bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan belia itu, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah mempunyai segala kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebangkrapan atau penggulungan syarikat bagi maksud menyelesaikan harta pertubuhan belia di bawah Akta ini.

(2) Pendaftar boleh, dengan persetujuan Menteri, menggantung kuat kuasa seksyen ini setakat yang dan selama tempoh yang difikirkannya suai manfaat.

(3) Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi boleh menghendaki

- 
- (a)* badan pengelola pertubuhan belia itu, yang merupakan badan pengelola yang wujud sebaik sebelum mula berkuat kuasanya subseksyen (1) berhubung dengan pertubuhan belia itu;
  - (b)* mana-mana anggota badan pengelola itu; atau
  - (c)* mana-mana orang yang pada ketika itu atau yang dahulunya pernah menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan belia itu,

untuk memberikan kepada Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, apa-apa maklumat berhubungan dengan harta, hal ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan belia itu, atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pertubuhan belia itu, yang mungkin dikehendaki bagi maksud seksyen ini.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), apa-apa yang dilakukan oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam subseksyen (3) dalam mematuhi subseksyen itu bukanlah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perkara itu dilakukan selainnya menurut undang-undang.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (3) yang tidak mematuhi apa-apa kehendak Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, di bawah subseksyen itu, atau melakukan apa-apa perkara di luar bidang, atau berlawanan dengan, apa-apa kehendak Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (3), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud subseksyen (3), "pemegangjawatan" termasuklah mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 12(a), (b) dan (c).

(1) Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan bahawa jika harta sesuatu pertubuhan belia berdaftar terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi di bawah perenggan 12(a), maka harta tiap-tiap cawangan pertubuhan belia itu, sama ada ia merupakan suatu cawangan yang sah di sisi undang-undang atau tidak, hendaklah juga terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi dan seksyen ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap cawangan sedemikian itu dan hartanya.

### **Pemakaian seksyen 25 bagi cawangan pertubuhan belia berdaftar yang menyalahi undang-undang**

26. Jika cawangan sesuatu pertubuhan belia berdaftar—

- (a) telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang melalui suatu perintah Menteri di bawah seksyen 33;
- (b) diberitahu oleh Pendaftar kepada Ketua Pengarah Insolvensi sebagai suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 18(3); atau
- (c) telah, dengan apa jua cara, menjadi suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 86(1),

peruntukan seksyen 25 hendaklah terpakai bagi cawangan pertubuhan belia berdaftar dan hartanya mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi apa-apa pertubuhan belia berdaftar dan hartanya, dan sebutan mengenai badan pengelola pertubuhan belia berdaftar dalam subseksyen 25(3) dan (5) hendaklah dengan sewajarnya ditafsirkan sebagai sebutan mengenai badan pengelola cawangan pertubuhan belia itu.

**Peletakhakan harta pertubuhan belia yang dibatalkan pendaftarannya kepada pertubuhan belia berdaftar yang baru**

27. (1) Mana-mana pertubuhan belia baru yang ditubuhkan bagi menggantikan pertubuhan belia berdaftar yang telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 20, boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah Insolvensi bagi meletakhakkan segala aset, hutang dan liabiliti pertubuhan belia lama dan cawangannya yang telah terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi di bawah perenggan 25(l)(a) kepada pertubuhan belia berdaftar yang baru.

(2) Walau apa pun peruntukan subperenggan 25(l)(b)(\\), Ketua Pengarah Insolvensi boleh, jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pertubuhan belia baru itu telah didaftarkan di bawah Akta ini;
- (b) perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan belia baru itu serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan belia lama;
- (c) majoriti orang yang menjadi anggota yang sah pertubuhan belia lama sebaik sebelum pembatalan pendaftarannya adalah anggota pertubuhan belia baru itu; dan
- (d) badan pengelola pertubuhan belia baru telah memberikan suatu aku janji bertulis yang menyatakan bahawa pertubuhan belia baru itu akan mengambil alih tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan belia lama yang sedia ada,

memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah bagi meletakhakkan segala aset, hutang dan liabiliti pertubuhan belia lama itu dan semua cawangannya pada pertubuhan belia baru itu.

(3) Mahkamah boleh, jika ia berpuas hati tentang segala perkara yang disebut dalam subseksyen (2) meluluskan permohonan itu sebagaimana yang dipohon oleh Ketua Pengarah Insolvensi dengan apa-apa ubah suaian atau ubahan yang difikirkan patut dan perlu.

(4) Permohonan hendaklah dibuat melalui saman pemula yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan diiklankan dalam surat khabar dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, yang diedarkan di Malaysia.

(5) Mana-mana orang yang mungkin terjejas atau terkilan dengan keputusan Mahkamah, atas sifatnya sebagai anggota sama ada pertubuhan belia lama atau pertubuhan belia baru atau sebagai seorang pemiutang pertubuhan belia lama boleh memohon kepada Mahkamah untuk hadir dan membuat representasi mengenainya mengikut kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi.

(6) Mana-mana orang yang merupakan anggota yang sah pertubuhan belia lama sebaik sebelum pembatalan pendaftarannya dan yang bukan seorang anggota dalam pertubuhan belia baru yang tidak membantah terhadap permohonan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah dilepaskan daripada semua hutang dan liabiliti pertubuhan belia lama dan semua cawangannya apabila perintah seperti yang dipohon oleh Ketua Pengarah Insolvensi itu dibuat.

(7) Apabila suatu perintah peletakhakan dibuat oleh Mahkamah di bawah subseksyen (3), segala harta yang terkandung dalam perintah itu hendaklah terletak hak dengan sewajarnya kepada pertubuhan belia baru itu tanpa apa-apa pindah hak, pemindahan hakmilik atau penyerahhakan selanjutnya.

(8) Adalah sah bagi Ketua Pengarah Insolvensi untuk melakukan atau mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang perlu untuk menguruskan apa-apa harta atau melepaskan hutang dan liabiliti pertubuhan belia lama walaupun permohonan di bawah subseksyen (2) belum selesai di Mahkamah.

(9) Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyiarkan perintah di bawah subseksyen (3) dalam *Warta* dan mengiklankannya dalam surat khabar bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, yang diedarkan di Malaysia, dan selepas itu Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah terlepas sepenuhnya daripada segala tanggungjawab dan liabiliti dalam perkara itu.

(10) Segala kos dan belanja yang ditanggung oleh Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara ini hendaklah dibayar daripada aset pertubuhan belia lama dan semua cawangannya dan hendaklah diberikan keutamaan mengatasi segala hutang dan liabiliti lain.

(11) Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang sebaik sebelum wujud sebelum penyiaran dalam *Warta* keputusan Mahkamah di bawah subseksyen (3) hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau berpihak kepada pertubuhan belia baru dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan, terhadap pertubuhan belia baru itu.

## *Pertubuhan Bella dan Pembangunan Bella*

39

(12) Peruntukan subseksyen 25(3), (5) dan (6) hendaklah terpakai berhubung dengan seksyen ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai berhubung dengan seksyen 25.

### Bab 3

#### *Pertikaian dan Panel Penyelesaian Pertikaian*

##### **Pertikaian**

**28.** (1) Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan dalam mana-mana pertubuhan belia boleh dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusannya.

(2) Mana-mana pihak kepada peffik&ian yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh Pendaftar boleh ffigJayu kepada Panel Penyelesaian Pertikaian.

##### **Panel Penyelesaian Pertikaian**

**29.** (1) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah terdiri daripada—

(a) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi belia sebagai Pengerusi; dan

(b) dua orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri.

(2) Dalam menjalankan tugas dan fungsinya dalam membuat keputusan, Panel boleh mengarahkan pihak kepada pertikaian itu menzahiifkan apa-apa dokumen atau hadir di hadapan Panel atau memberikan apa-apa arahan yang difikirkan wajar.

### Bab 4

#### *Rayuan*

##### **Rayuan**

**30.** (1) Mana-mana pertubuhan belia berdaftar, pemegang jawatan atau anggota pertubuhan belia itu atau mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian di bawah seksyen 29 atau apa-apa keputusan Pendaftar dalam mana-mana hal yang berikut:

(a) pembatalan pendaftaran pertubuhan belia di bawah seksyen 20;

- (b) keengganan mendaftarkan pertubuhan belia itu di bawah seksyen 9;
- (c) keengganan memberi pengecualian di bawah subseksyen 13(6) kepada orang berkelayakan untuk memegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan belia;
- (d) keengganan meluluskan penukaran nama atau tempat urusan pertubuhan belia itu, atau pindaan kepada kaedah-kaedahnya di bawah seksyen 17;
- (e) keengganan meluluskan penubuhan sesuatu cawangan pertubuhan belia di bawah seksyen 18;
- (f) pembatalan pendaftaran pertubuhan belia di bawah seksyen 31;
- (g) perintah melarang orang bukan warganegara daripada memegang jawatan dalam suatu pertubuhan belia atau melarang gabungan, perkaitan, hubungan, atau urusan lain dengan mana-mana pertubuhan di luar Malaysia dan perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam subseksyen 21(1);
- (h) perintah supaya meminda kaedah-kaedah atau perlembagaan pertubuhan belia di bawah subseksyen 21 (2);
- (i) keengganan meluluskan seorang juruaudit atau meluluskan seorang juruaudit di bawah subseksyen 23(3) yang tidak diterima oleh pertubuhan belia;
- (j) membuat suatu perintah sementara untuk pembubaran pertubuhan belia di bawah subseksyen 23(4); atau
- (k) keengganan memberi kebenaran di bawah seksyen 13 untuk menjadi seorang pemegang jawatan,

boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian atau Pendaftar itu, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri.

(2) Menteri boleh mengesahkan, menolak atau mengubah keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian atau Pendaftar dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Bab 5

*Peruntukan Am*

**Pertubuhan belia berdaftar hendaklah bertindak mengikut Perlembagaan**

**31.** Menjadi kewajipan tiap-tiap pertubuhan belia berdaftar dalam menjalankan aktivitinya mengendalikan hal ehwalnya memastikan bahawa ia selaras dan sesuai mengikut dan mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, dan jika apa-apa aktiviti atau hal ehwal mana-mana pertubuhan belia berdaftar dalam apa jua cara mencabuli, mencemarkan atau menyekat atau menunjuk tidak mengendahkan —

- (a) sistem kerajaan demokratik yang diketahui oleh seorang raja berperlembagaan Malaysia, dan di negeri-negeri, oleh Sultan berperlembagaan atau Yang di-Pertua Negeri;
- (b) kedudukan agama Islam sebagai agama Malaysia, dengan agama lain diamalkan secara aman dan harmoni;
- (c) penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi maksud rasmi;
- (d) kedudukan orang Melayu dan pribumi negeri Sabah dan Sarawak; atau
- (e) kepentingan sah taraf kaum-kaum yang lain,

seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri, Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan belia itu selepas memberi pertubuhan belia itu suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya.

**Pertubuhan belia disifatkan ditubuhkan di Malaysia**

**32.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) suatu pertubuhan belia disifatkan sebagai ditubuhkan di Malaysia, walaupun ia terbentuk dan mempunyai ibu pejabat atau tempat utama urusannya di luar Malaysia, jika mana-mana pemegang jawatan atau anggotanya tinggal atau berada di Malaysia, atau jika mana-mana orang di Malaysia menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan belia itu atau mendapatkan atau memungut wang atau yuran bagi pihak pertubuhan belia itu.

(2) Tiada pertubuhan belia boleh disifatkan sebagai ditubuhkan sedemikian, jika dan selagi —

- (a) ia diatur dan beroperasi sepenuhnya di luar Malaysia;
- (b) tiada pejabat, tempat urusan atau tempat mesyuarat disenggarakan atau digunakan di Malaysia oleh pertubuhan belia itu atau oleh sesiapa jua bagi pihaknya;
- (c) tiada daftar mengenai semua atau mana-mana anggota pertubuhan belia itu disimpan di Malaysia; dan
- (d) tiada yuran dipungut atau didapatkan di Malaysia oleh pertubuhan belia itu atau oleh sesiapa jua bagi pihaknya.

### **Kuasa Menteri mengisytiharkan pertubuhan belia sebagai menyalahi undang-undang**

33. (1) Menteri boleh, melalui perintah, mengisytiharkan, mana-mana pertubuhan belia atau cawangan atau kategori atau keterangan mengenai mana-mana pertubuhan belia yang pada pendapatnya, digunakan atau sedang digunakan bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan ketenteraman awam atau kemoralan dan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, sebagai menyalahi undang-undang.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah berkuat kuasa bagi membatalkan dengan serta-merta pendaftaran mana-mana pertubuhan belia itu, jika telah didaftarkan di bawah Akta ini dan tiada pertubuhan belia yang terhadapnya sesuatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini boleh didaftarkan sedemikian.

(3) Peruntukan seksyen 25 hendaklah terpakai bagi mana-mana pertubuhan belia yang terjejas oleh perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.

## BAHAGIAN IV

### PEMBANGUNAN BELIA

#### **Dasar berhubung dengan pembangunan belia**

34. (1) Menteri adalah bertanggungjawab bagi mengadakan atau mengeluarkan dasar atau arahan mengenai perkara yang

berhubung dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan sumber manusia.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), dasar atau arahan boleh dibuat untuk semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) pembangunan pengetahuan belia;
- (b) pembangunan sikap belia;
- (c) pembangunan organisasi dan kepimpinan belia;
- (d) pembangunan keusahawanan dan vokasional belia;
- (e) memupuk gaya hidup sihat di kalangan belia;
- (f) kemudahan bagi interaksi sosial untuk belia;
- (g) perkongsian belia dalam pembangunan; dan
- (h) hubungan dan rangkaian antarabangsa di kalangan belia.

(3) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi Ketua Pengarah arahan yang bersifat am dan selaras dengan peruntukan Akta ini mengenai penjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada Ketua Pengarah dan tugas yang perlu dilaksanakan di bawah Akta ini dan peraturan yang dibuat di bawahnya berhubung dengan semua perkara mengenai pembangunan belia, dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan setiap arahan sedemikian.

## BAHAGIAN V

### MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA

#### **Majlis Perundingan Belia Negara**

**35.** Suatu majlis dengan nama "Majlis Perundingan Belia Negara" ditubuhkan.

#### **Fungsi Majlis**

**36.** Fungsi Majlis adalah untuk bertindak sebagai badan perunding dalam hal yang berhubung dengan pembangunan belia.

**Keanggotaan Majlis**

37. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia;
- (c) Ketua Pengarah;
- (d) seorang wakil setiap Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal belia;
- (e) seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan;
- (f) tidak lebih daripada sepuluh orang wakil daripada agensi kerajaan yang mengendalikan hal ehwal belia yang ditentukan oleh Menteri;
- (g) tidak lebih daripada dua puluh lima orang pegawai Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia yang dilantik oleh Menteri;
- (h) semua Anggota Dewan Tertinggi dan Anggota Jawatankuasa Kerja badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan; dan
- (i) tidak lebih daripada dua puluh orang yang pada pendapat Menteri boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan belia, yang dilantik oleh Menteri.

(2) Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Majlis untuk melaksanakan fungsi Pengerusi bagi tempoh apabila Pengerusi tidak berupaya, disebabkan sakit, cuti atau apa-apa sebab lain, untuk melaksanakan fungsinya.

(3) Anggota yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (2) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

**Majlis boleh mengundang orang lain ke persidangan atau mesyuarat**

**38.** Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana persidangan atau mesyuarat Majlis bagi maksud menasihati atau membantunya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

**Tempoh jawatan**

**39.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 37(1)(7) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(2) Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 37(1)(7) adalah layak untuk dilantik semula.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**40.** (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis di bawah perenggan 37(1)(7) tanpa memberikan apa-apa sebab tentang pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan empat belas hari notis bertulis kepada Menteri.

**Pengosongan jawatan**

**41.** Jawatan seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 37(1)(7) hendaklah menjadi kosong, jika—

(a) telah dibuktikan terhadapnya atau dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan —

(i) yang melibatkan fraud, rasuah, kecurangan atau keburukan akhlak; atau

(ii) yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti suatu denda, selama lebih daripada dua tahun;

- (b) dia didapati tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menjalankan tugasnya;
- (c) dia telah diisytiharkan bankrap;
- (d) dia tidak menghadiri persidangan selama tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Pengerusi;
- (e) dia telah dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri atau yang seumpama dengannya di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan dan keselamatan awam yang sedang berkuat kuasa;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri;
- (g) pelantikan dibatalkan oleh Menteri; atau (h) dia telah mati.

### **Pengisian kekosongan**

42. Apabila seseorang tidak lagi menjadi anggota Majlis, Menteri boleh melantik orang lain untuk mengisi kekosongan tersebut dan mana-mana orang yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan itu selama baki tempoh jawatan itu.

### **Jawatankuasa**

43. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis boleh melantik mana-mana anggotanya menjadi Pengerusi jawatankuasa.

(3) Pengerusi sesuatu jawatankuasa boleh, dengan persetujuan Majlis melantik mana-mana orang untuk menganggotai sesuatu jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya atau membantunya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang tersebut tidak layak untuk mengundi dalam persidangan, mesyuarat atau pertimbangtelitian.

### **Sekretariat**

44. (1) Suatu sekretariat bersama Majlis yang terdiri daripada pegawai daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi belia dan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi Majlis.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam untuk menjadi setiausaha kepada sekretariat bersama yang hendaklah bertanggungjawab untuk pentadbiran dan pengurusan hal ehwal hari ke hari keseluruhannya Majlis dan sekretariat bersama.

### **Saraan atau elaun**

45. Pengerusi dan anggota Majlis atau jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri persidangan Majlis atau mesyuarat jawatankuasa boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

### **Persidangan Majlis**

46. (1) Majlis hendaklah mengadakan persidangannya tidak kurang daripada dua kali setahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Kuorum bagi persidangan hendaklah tidak kurang daripada separuh jumlah keanggotaan Majlis yang diisi.

(3) Apa-apa keputusan Majlis hendaklah dibuat secara rundingan.

### **Kehilangan kelayakan menjadi anggota**

47. (1) Mana-mana anggota Majlis yang mewakili pertubuhan belia yang bergabung dengan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang tidak lagi memegang jawatan dalam pertubuhannya masing-masing atau pendaftaran pertubuhan tersebut telah dibatalkan di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai telah terhenti daripada menjadi anggota Majlis.

(2) Mana-mana anggota Majlis hendaklah disifatkan sebagai telah terhenti daripada menjadi anggota Majlis apabila dia tidak lagi memegang jawatan dalam badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

### **Penguntukan dana**

**48.** Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan, boleh meluluskan suatu penguntukan dana tahunan bagi Majlis melaksanakan fungsinya.

## BAHAGIAN VI BADAN INDUK

### PERTUBUHAN BELIA DI PERINGKAT KEBANGSAAN

#### Bab 1 *Peruntukan Am* **Badan induk pertubuhan belia di**

#### **peringkat kebangsaan**

**49.** (1) Majlis Belia Malaysia ialah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang menggabungkan dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya.

(2) Objektif badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan ialah —

- (a) menggalakkan dan mendorong pertubuhan belia supaya memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara;
- (b) merangsang dan mewujudkan perhubungan, kerjasama, persefahaman dan persahabatan antara pertubuhan belia dengan belia atau dengan pertubuhan belia antarabangsa;
- (c) menggalakkan kemajuan pertubuhan belia yang seimbang dalam pelbagai bidang; dan
- (d) memupuk sikap bertanggungjawab, semangat patriotisme dan kesukarelawanan di kalangan pertubuhan belia.

**Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan**

**50.** Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan ialah —

- (a) untuk menyalurkan suara belia kepada kerajaan;
- (b) untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia; dan
- (c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain di bawah Akta ini.

**Laporan tahunan**

**51.** Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah, pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun, mengemukakan kepada Menteri suatu laporan berkenaan dengan program dan aktiviti yang dijalankan dalam tahun sebelumnya dan hendaklah memberikan apa-apa maklumat lanjut yang diperlukan oleh Menteri.

Bab 2

*Penguntukan kewangan dan bantuan*

**Permohonan bagi penguntukan tahunan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan**

**52.** (1) Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan boleh memohon kepada Menteri bagi penguntukan kewangan dan bantuan bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah seksyen 50.

(2) Bagi tujuan subseksyen (1), badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah menyediakan anggaran perbelanjaan bagi tiap-tiap tahun kewangan.

(3) Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan tahunan untuk tahun berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir yang ditetapkan oleh Menteri.

**Kelulusan penguntukan kewangan dan bantuan**

**53.** Selepas menerima permohonan di bawah seksyen 52, Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan meluluskan apa-apa penguntukan kewangan atau bantuan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang disifatkan perlu.

**Akaun dan audit badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan**

**54.** (1) Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah menyebabkan akaun dan rekod lain yang sepatutnya yang berhubungan dengan pengendaliannya disenggara, dan hendaklah menyediakan penyata kewangan bagi tiap-tiap tahun kewangan iaitu dari 1 Januari hingga 31 Disember.

(2) Penyata kewangan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah diaudit tiap-tiap tahun oleh juruaudit yang dilantik oleh badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

(3) Penyata kewangan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah diaudit dalam masa enam bulan dari akhir tiap-tiap tahun kewangan dan dalam tempoh itu, badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah mengemukakan suatu salinan penyata akaun itu dengan cara yang dikehendaki oleh Menteri untuk dikemukakan kepada Menteri bersama-sama dengan suatu salinan laporan juruaudit yang disediakan oleh juruaudit yang dilantik itu.

**BAHAGIAN VII****INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA****Bab 1***Peruntukan Am***Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia**

**55.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia" ditubuhkan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(2) Institut boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

### **Meterai perbadanan**

**56.** (1) Meterai perbadanan Institut hendaklah mempunyai suatu tanda yang diluluskan oleh Institut dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Institut.

(2) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh sama ada Ketua Pegawai Eksekutif atau oleh mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan disahkan mengikut subseksyen (2) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Institut atau seorang pekerja Institut yang diberi kuasa bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Institut hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Fungsi Institut**

**57.** Fungsi-fungsi Institut adalah —

- (a) untuk bertindak sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia kebangsaan;
- (b) untuk mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyenggara rekod semua perkara berkaitan yang berhubungan dengan pembangunan belia;

- (c) untuk menjalankan, memudahkan atau membiayai penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia;
- (d) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan berkenaan dengan pembangunan belia;
- (e) untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan lain-lain institusi yang berkaitan di dalam dan di luar Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan belia;
- (f) untuk menganalisis, menilai dan membuat syor mengenai aktiviti belia yang dianjurkan oleh pertubuhan belia, badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan atau mana-mana organisasi sektor swasta yang lain;
- (g) untuk menjalankan program bercorak pendidikan dan kesedaran untuk menggalakkan pembangunan belia;
- (h) untuk bekerjasama, menyelaraskan dan menyertai dalam program atau aktiviti pembangunan belia yang berkaitan dengan penyelidikan yang dianjurkan oleh organisasi kebangsaan atau antarabangsa; dan
- (i) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang didapatinya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

### **Kuasa Institut**

**58.** (1) Institut hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Institut hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk membuat kontrak;
- (b) untuk memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap jenis harta alih atau hak tak alih;

- (c) untuk memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya, yang terletak hak pada Institut;
- (d) untuk menjalankan atau menyelaraskan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan pembangunan belia dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya;
- (e) untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Institut;
- (f) untuk mengutip dan menerima wang berhubungan dengan apa-apa aktiviti atau perkhidmatan yang diberikan oleh Institut atau penggunaan kemudahan Institut;
- (g) untuk membuat apa-apa rundingan dan perjanjian atau perkiraan yang disifatkannya patut bagi menunaikan fungsinya;
- (h) untuk memperoleh, memegang, melupuskan atau memberikan hak yang berhubungan dengan apa-apa hasil penyelidikan yang dijalankan oleh atau bagi pihak Institut atau berhubungan hasil dengan apa-apa hasil penyelidikan yang diusahakan oleh mana-mana orang atau organisasi;
- (i) untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan atau pembangunan atau kedua-duanya;
- (j) untuk menjalankan dan menyelaraskan apa-apa aktiviti yang disifatkannya patut bagi maksud melindungi dan memajukan belia Malaysia; dan
- (k) untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau perlu atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Institut boleh, dalam menunaikan apa-apa fungsinya dalam hal yang bersesuaian menjalankan aktiviti perniagaan bagi mendapat untung atau faedah melalui syarikat yang boleh ditubuhkan dari semasa ke semasa di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan syarikat itu hanya boleh ditubuhkan setelah diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(3) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan apa-apa aktiviti atau kepentingan atau menetapkan terma dan syarat mana-mana aktiviti atau kepentingan mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Institut berhubung dengan mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2) atau kepada mana-mana syarikat, perusahaan atau pengusahaan.

(4) Apa-apa peninggalan atau ketidakpatuhan dan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau yang cuba dilakukan yang berlawanan dengan peruntukan peraturan-peraturan itu suatu kesalahan di bawah Akta ini dan pesalah itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## Bab 2

### *Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*

#### **Lembaga Pengarah**

**59.** Suatu Lembaga Pengarah yang dikenali sebagai Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia ditubuhkan.

#### **Keanggotaan Lembaga**

**60.** (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) Ketua Pengarah;
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (d) tujuh orang anggota yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan atau sumber manusia, atau selainnya sesuai dilantik disebabkan oleh pengetahuan khas dan pengalamannya, seorang daripadanya hendaklah wakil daripada badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

(2) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan fungsi Pengerusi —

- (a) jika Pengerusi tidak berupaya untuk menjalankan fungsinya disebabkan sakit, cuti atau sebab-sebab lain; atau
- (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi.

(3) Seorang anggota yang dilantik sebagai Pengerusi di bawah subseksyen (2) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(5) Lima orang anggota Lembaga hendaklah membentuk kuorum dalam mana-mana mesyuarat Lembaga.

(6) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(7) Peruntukan Jadual Ketiga hendaklah terpakai kepada Lembaga.

### **Kuasa dan fungsi Lembaga**

**61.** (1) Lembaga hendaklah menjadi badan eksekutif Institut dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Institut, kecuali selain yang diperuntukkan oleh Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Fungsi Lembaga hendaklah termasuk menjalankan semua aktiviti dan melakukan semua perkara yang perlu atau memberi faedah dan sesuai untuk kerajaan, kawalan dan pentadbiran Institut.

### **Tempoh jawatan**

**62.** (1) Tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah layak untuk dilantik semula.

**Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**63.** (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Institut selain anggota-anggota di bawah perenggan 60(1)(b) dan (c), tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota Lembaga, selain anggota-anggota di bawah perenggan 60(1)(b) dan (c), boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

**Pengosongan jawatan**

**64.** (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong —

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan, atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan —
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang anggota Lembaga atau selainnya, telah menjejaskan nama baik Lembaga;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tanpa kebenaran Menteri;
- (g) dalam hal seseorang anggota Lembaga dalam perenggan 60(1)^, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Pengerusi;

- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri;
- (i) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (j) jika Menteri berpuas hati bahawa anggota itu telah tidak menghadirkan dirinya tiga kali berturut-turut dalam mesyuarat Institut tanpa kebenaran atau alasan yang munasabah.

### **Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga**

**65.** (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada syarat, had atau sekatan yang difikirkan patut, mewakili mana-mana fungsi atau kuasanya kepada mana-mana anggota atau mana-mana jawatankuasa anggotanya.

(2) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa, mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan.

### **Jawatankuasa Lembaga**

**66.** (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawal selia tataranya sendiri dan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu adalah tertakluk kepada dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(4) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu, tertakluk kepada subseksyen (3).

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota jawatankuasa untuk menghadin mana-mana mesyuarat jawatankuasa, bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(6) Anggota jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (5) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(8) Pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(9) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga.

### **Saraan dan elaun**

**67.** Anggota Lembaga, selain daripada Ketua Pegawai Eksekutif, boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun daripada Kumpulan Wang yang boleh ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**68.** (1) Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberi Lembaga arahan yang bersifat am yang berhubungan dengan fungsi dan kuasa Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan arahan itu.

### **Kesahan perbuatan dan prosiding**

**69.** Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) wujudnya apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan dalam penubuhan Lembaga; atau
- (b) wujudnya apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

### Bab 3

#### *Peruntukan yang berhubungan dengan kakitangan*

### **Ketua Pegawai Eksekutif**

**70.** (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Institut pada keseluruhannya.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai Institut yang lain.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Menteri dan Lembaga dari semasa ke semasa.

(4) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga.

### **Pelantikan pegawai**

**71.** (1) Ketua Pegawai Eksekutif, dengan kelulusan Lembaga, boleh melantik apa-apa bilangan pegawai yang difikirkannya wajar dan perlu, yang hendaklah dibayar saraan, elaun dan faedah, dan pelantikannya hendaklah dibuat, atas terma yang pada pendapat Lembaga adalah sesuai bagi menjalankan fungsi Institut.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah, dengan kelulusan Lembaga menentukan syarat perkhidmatan pegawai-pegawainya tertakluk kepada peraturan dan persetujuan Menteri Kewangan.

**Penubuhan Kumpulan Wang**

**72.** (1) Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia" ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa;
- (b) geran penyelidikan daripada Menteri;
- (c) segala wang yang diterima oleh Institut melalui pemberian;
- (d) segala wang yang diperolehi daripada jualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan lain tentang, apa-apa harta yang terletak hak pada atau yang diperolehi oleh Institut;
- (e) segala wang yang diperolehi sebagai pendapatan daripada pelaburan oleh Institut; dan
- (f) segala wang lain yang diterima dengan sah oleh Institut.

**Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang**

**73.** Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain anggota dan pegawai Institut, termasuklah pemberian pinjaman dan wang pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan, pencen dan ganjaran;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Institut termasuklah fi dan kos guaman dan fi serta kos lain;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan, diterima atau dianggap wajar oleh Institut dalam melaksanakan fungsi-fungsinya;

- (d) memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja lain dalam menjalankan apa-apa fungsinya; dan
- (e) secara amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan fungsi-fungsinya.

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**74.** (1) Perbelanjaan Institut setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum 1 September setiap tahun, Institut hendaklah mengemukakan satu anggaran perbelanjaan, termasuk perbelanjaan bagi program penyelidikan dan pembangunan, bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butiran sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Januari tahun yang berikutnya, memberitahu Institut amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Institut boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan dimasukkan dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.

### **Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**75.** Menjadi kewajipan Institut untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Institut mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

**Kuasa untuk melabur**

76. (1) Institut boleh melabur dalam sekuriti Kerajaan atau sekuriti lain sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Menteri Kewangan, wang Kumpulan Wang, yang tidak diperlukan serta-merta untuk perbelanjaan semasa, dengan kuasa dari semasa ke semasa untuk mengubah apa-apa pelaburan, tertakluk kepada kelulusan secara bertulis terlebih dahulu oleh Menteri Kewangan diperoleh berkenaan dengan apa-apa perubahan berikutan apa-apa pelaburan dalam sekuriti yang lain daripada sekuriti Kerajaan.

(2) Institut boleh menyimpan, sama ada dalam deposit tetap atau akaun semasa, apa-apa wang yang tidak dilaburkan buat sementara waktu di mana-mana bank di Malaysia yang memegang lesen yang sah di bawah peruntukan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] atau Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] dan diberi kelulusan terlebih dahulu secara bertulis bagi maksud ini oleh Menteri.

**Akaun dan laporan**

77. (1) Institut hendaklah menyebabkan disimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu satu penyata akaun Institut yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan.

(2) Institut hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menghantar satu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan satu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan supaya penyata dan laporan itu dibentangkan dihadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Institut.

**Tatacara kewangan**

78. Tertakluk kepada Akta ini dan kelulusan Menteri, Institut hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

**Tahun kewangan**

**79.** Tahun kewangan Institut hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**BAHAGIAN VIII**

**KESALAHAN**

**Pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**80. (1)** Bagi maksud Akta ini, mana-mana pertubuhan belia yang berikut adalah menjadi suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, iaitu —

- (a) suatu pertubuhan belia atau cawangannya yang telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang oleh Menteri di bawah seksyen 33;
- (b) suatu pertubuhan belia atau cawangannya yang tidak didaftarkan di bawah seksyen 9;
- (c) suatu cawangan sesuatu pertubuhan belia, jika cawangan itu telah ditubuhkan bertentangan dengan subseksyen 18(1), atau terus wujud bertentangan dengan proviso kepada subseksyen 18(3); dan
- (d) suatu pertubuhan belia atau cawangannya yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen 31 dan 20.

(2) Jika mana-mana pertubuhan belia adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1), atau pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta ini, setiap cawangan pertubuhan belia itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal.

**Penalti kerana mengurus, dsb., pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**81.** Mana-mana pemegang jawatan dan mana-mana orang yang mengurus atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan

dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Penalti kerana menghadiri mesyuarat, dsb., pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**82.** Mana-mana anggota atau orang yang bertindak sebagai anggota mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang atau menghadiri mesyuarat suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang atau yang membayar wang atau memberi apa-apa bantuan kepada atau bagi maksud pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang dan dengan pengetahuan bahawa pertubuhan belia itu adalah menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Penalti bagi orang yang membenarkan pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang dalam premis**

**83.** Mana-mana orang dengan diketahuinya membenarkan suatu mesyuarat sesuatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, diadakan di mana-mana rumah, bangunan atau tempat yang dipunyai, diduduki atau dikawal olehnya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Penalti kerana menghasut, dsb., seseorang supaya menjadi seorang anggota pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**84.** (1) Mana-mana orang yang menghasut, mendorong atau mengajak orang lain supaya menjadi seorang anggota atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa kekerasan, ugutan atau intimidasi terhadap mana-mana orang lain bagi mendorong orang lain itu menjadi anggota atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Penalti kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**85.** Mana-mana orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan daripada mana-mana orang lain apa-apa yuran atau bantuan bagi maksud suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Penalti kerana menyiarkan, dsb., dakwah pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**86.** (1) Mana-mana orang yang mencetak, mengedar, menyiar, mempamer, menjual atau mempamerkan untuk jualan, atau menghantar melalui apa-apa media atau yang tanpa kuasa atau sebab yang sah, memiliki apa-apa pelekat, surat khabar, buku, majalah, terbitan berkala, poster, pekeliling, perisytiharan, pernyataan bergambar, surat atau apa-apa jua dokumen atau lain-lain penulisan yang dikeluarkan atau seolah-olah dikeluarkan oleh, atau bagi pihak atau bagi kepentingan suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Apa-apa pelekat, surat khabar, buku, majalah, terbitan berkala, poster, pekeliling, perisytiharan, pernyataan bergambar, surat atau apa-apa jua dokumen atau penulisan lain dan apa-apa jua buku, majalah, terbitan berkala, poster, perisytiharan, akhbar, surat atau apa-apa dokumen lain atau tulisan yang berkenaan dengannya orang itu telah disabitkan hendaklah dilucuthakkan.

**Penalti kerana bertindak bagi pihak atau mewakili suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**87.** (1) Mana-mana orang yang dengan apa-apa jua cara bertindak bagi pihak, atau mewakili, atau membantu, sama ada dalam kapasiti profesional atau sebaliknya—

- (a) mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang;
- (b) pemegang jawatannya;
- (c) badan pengelolanya; atau
- (d) badan pengelola cawangannya,

berhubung dengan apa-apa perkara berkenaan pertubuhan belia itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu rayuan oleh pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 30, atau bagi apa-apa presiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara yang melibatkan pertubuhan itu.

**Penalti terhadap pemegang jawatan dalam pertubuhan belia yang pendaftarannya telah dibatalkan**

**88.** Jika pendaftaran mana-mana pertubuhan belia telah dibatalkan di bawah seksyen 31 atau perenggan 20(1)(c), mana-mana pemegang jawatan pertubuhan belia yang dibatalkan pendaftarannya itu —

- (a) pada bila-bila masa selepas pembatalan itu, menjadi pemegang jawatan pertubuhan belia yang lain; atau
- (b) selepas tamat tempoh tiga puluh had daripada pembatalan itu, terus menjadi pemegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan belia yang lain,

tanpa kebenaran bertulis Pendaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Penggunaan bendera, simbol, lambang, lencana dan tanda kebesaran lain bagi pertubuhan belia**

89. (1) Tiada apa-apa pertubuhan belia boleh menggunakan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau lain-lain tanda kebesaran tanpa kelulusan Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat bagi membolehkan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda kebesaran lain pertubuhan belia itu dipamerkan.

(3) Mana-mana orang atau pertubuhan belia yang mempamerkan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda kebesaran lain tanpa kelulusan Pendaftar atau bertentangan dengan mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pendaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Liabiliti pemegang jawatan berkenaan dengan kesalahan oleh pertubuhan belia**

90. (1) Jika apa-apa kesalahan di bawah Akta ini —

- (a) sama ada atau tidak mana-mana orang telah disabitkan berkenaan dengannya; dan
- (b) telah dilakukan atau berupaya sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan belia yang ditubuhkan oleh, di bawah atau menurut Akta ini;

tiap-tiap pemegang jawatan dalam pertubuhan belia itu atau tiap-tiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan belia itu pada masa kesalahan itu dilakukan, hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan tersebut dan boleh dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang, mengenainya melainkan dia membuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya dan dia telah melaksanakan segala usaha yang sewajarnya untuk mencegah pelakuan kesalahan.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini terhadap seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan belia yang dinyatakan dalam subseksyen (1), apa-apa

dokumen yang ditemui dalam pemilikan mana-mana pemegang jawatan atau orang yang membantu dalam pengurusan pertubuhan belia tersebut, atau dalam pemilikan seseorang anggota pertubuhan belia tersebut, adalah menjadi keterangan *prima facie* tentang kandungannya bagi maksud untuk membuktikan bahawa apa-apa jua telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan belia itu.

**Pertubuhan belia yang menggunakan upacara kongsi gelap disifatkan sebagai pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang**

**91.** (1) Tiap-tiap pertubuhan belia, sama ada didaftarkan atau tidak, yang menggunakan upacara kongsi gelap, hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) upacara kongsi gelap ertinya apa-apa upacara yang biasanya digunakan oleh kumpulan kongsi gelap, apa-apa upacara yang menyerupai upacara itu dan sebahagian daripada upacara itu.

(3) Mana-mana orang yang menjadi atau bertindak sebagai anggota kumpulan kongsi gelap atau menghadiri mesyuarat kumpulan kongsi gelap itu atau didapati memiliki, atau ada dalam jagaan atau kawalannya, apa-apa dokumen, akaun, senarai anggota, meterai, sepanduk, simbol atau benda lain, yang berhubungan dengan suatu kumpulan kongsi gelap, sama ada pertubuhan itu ditubuhkan di Malaysia atau tidak, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Penalti kerana salah guna wang atau harta pertubuhan belia berdaftar**

**92.** (1) Mana-mana anggota pertubuhan belia berdaftar atau Pendaftar boleh membuat aduan kepada Mahkamah Sesyen bahawa mana-mana pemegang jawatan atau anggota pertubuhan belia itu —

(a) ada dalam milikan atau kawalannya apa-apa harta pertubuhan belia itu selain daripada berdasarkan kaedah-kaedah pertubuhan belia itu;

- (b) menahan wang pertubuhan belia secara yang menyalahi undang-undang;
- (c) dengan sengaja menggunakan apa-apa wang pertubuhan belia itu bagi maksud selain yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah pertubuhan belia itu dan peruntukan Akta ini.

(2) Jika Mahkamah itu berpuas hati dengan hal keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1), mahkamah hendaklah, jika difikirkan perlu untuk keadilan hal itu, memerintahkan pemegang jawatan atau anggota pertubuhan belia berdaftar itu supaya menyerahkan harta atau membayar wang itu kepada pemegang amanah pertubuhan belia berdaftar itu.

(3) Suatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidak boleh dilayani melainkan jika Mahkamah itu berpuas hati bahawa pengadu itu, pada tarikh aduan itu, merupakan seorang anggota kepada pertubuhan belia yang berhubung dengan hartanya aduan itu dibuat.

(4) Mana-mana orang yang terikat dengan perintah di bawah subseksyen (2) yang gagal mematuhi terma dan arahan dalam perintah yang tersebut dalam masa yang ditentukan dalam perintah itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(5) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah tidak menjejaskan atau menghalang sesuatu presiding pendakwaan atau sivil terhadap mana-mana pemegang jawatan atau anggota pertubuhan belia itu.

### **Penalti kerana mempamerkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang telah dibatalkan**

**93.** Mana-mana orang yang mempamerkan atau menggunakan apa-apa perakuan pendaftaran pertubuhan belia yang pendaftarannya telah dibatalkan atau salinannya dengan mengetahui bahawa perakuan pendaftaran itu telah dibatalkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

- (b) tidaklah perlu bagi pihak pendakwa membuktikan bahawa suatu pertubuhan belia itu mempunyai nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau biasanya dikenali dengan suatu nama yang tertentu; dan
- (c) jika sekiranya suatu pertubuhan belia dikatakan sebagai suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, beban pembuktian yang ia adalah suatu pertubuhan belia yang sah, hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduhkan itu.

**Anggapan mengenai keanggotaan, dsb., pertubuhan belia**

**97.** (1) Jika apa-apa dokumen, akaun, senarai anggota, meterai, sepanduk, simbol atau benda lain yang berhubungan dengan, atau yang berupa berhubung dengan mana-mana pertubuhan belia, didapati dimiliki, dijaga atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu adalah anggota pertubuhan belia itu dan pertubuhan belia itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah wujud pada masa dokumen, akaun, senarai anggota, meterai, sepanduk, simbol atau benda lain itu didapati.

(2) Jika mana-mana dokumen, akaun, senarai anggota, meterai, sepanduk, simbol atau benda lain yang berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan belia didapati —

- (a) ada di dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, maka hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu adalah membantu dalam pengurusan pertubuhan belia itu; dan
- (b) tersembunyi dalam mana-mana bangunan, maka hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa yang tersebut itu dimiliki oleh penghuni bangunan itu.

(3) Apabila Mahkamah mendapati bahawa ada sebab-sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa apa-apa tempat yang dimasuki atau digeledah menurut kuasa yang sah diberikan oleh atau di bawah Akta ini, sebaik sahaja sebelum atau pada masa kemasukan itu, digunakan oleh atau bagi maksud suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, mana-mana orang yang dijumpai di tempat tersebut pada masa pengeledahan itu atau yang didapati meninggalkan tempat itu sebaik sahaja sebelum atau pada masa

kemasukan itu, hendaklah, melainkan jika ia memberi sebab yang munasabah ia berada di tempat tersebut dianggap sebagai seorang anggota pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

### **Keterangan pakar**

**98.** Dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, tidaklah boleh menjadi apa-apa bantahan terhadap kebolehterimaan keterangan pakar bahawa pakar tersebut bukan atau tidak pernah menjadi anggota bagi mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

### **Perlindungan pemberi maklumat**

**99.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau data yang dikomputerkan yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua catatan sedemikian ditutupkan daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat telah dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dibuat sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan maklumat asal, jika bertulis, dan boleh membenarkan siasatan dan boleh menghendaki penzahiran sepenuhnya kepada Mahkamah, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

**Pelucuthakan**

**100.** Apa-apa buku, akaun, tulisan, sependuk, tanda kebesaran atau harta lain yang dipunyai oleh mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang hendaklah, selepas mendapat perintah Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, dilucuthakkan dan diberikan kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk pelupusan mengikut cara yang difikirnya patut.

**Kesalahan tertentu yang tidak boleh dijamin dan yang kena didaftarkan**

**101.** Tiap-tiap kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan seksyen 13, 21, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87 dan 91 hendaklah disifatkan sebagai kesalahan yang boleh ditangkap dan yang tidak boleh dijamin di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah dan hendaklah juga disifatkan sebagai yang kena didaftarkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran penjenayah.

**BAHAGIAN IX PENGUATKUASAAN DAN**

**PENYIASATAN Pegawai penguat kuasa**

**102.** Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melantik mana-mana pegawai dari Kementerian yang bertanggungjawab bagi belia sebagai pegawai penguatkuasa untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah Akta ini.

**Kuasa pegawai penguat kuasa**

**103.** Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu —

- (a) untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) untuk menjalankan apa-apa siasatan di bawah Akta ini; atau
- (c) untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di bawah Akta ini.

**Penzahiran kad kuasa**

**104.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa apabila menjalankan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini hendaklah mengisytiharkan jawatannya dan hendaklah menzahirkan kepada orang yang terhadapnya tindakan akan diambil atau yang daripadanya maklumat akan dikehendaki, kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar untuk dibawa oleh pegawai itu.

(2) Kad kuasa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dikeluarkan oleh Menteri.

**Kuasa membuat pemeriksaan**

**105.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang tahu tentang fakta dan hal keadaan sesuatu kes untuk hadir di hadapannya dan untuk diperiksa secara lisan dan hendaklah menurunkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Apa-apa pernyataan yang dibuat, oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana presiding di dalam mahkamah di bawah Akta ini terhadap orang itu atau terhadap mana-mana orang lain.

**Penzahiran dokumen, dsb.**

**106.** Semasa menjalankan suatu penyiasatan atau pemeriksaan di bawah Bahagian ini pegawai penguat kuasa boleh —

- (a) menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya apa-apa buku, buku minit, daftar, penyata akaun, dokumen, apa-apa butiran atau barang lain sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik; dan
- (b) untuk memeriksa, membuat salinan, mengambil cabutan daripada, mengalihkan dan menahan apa-apa buku, buku minit, daftar, penyata akaun, dokumen, apa-apa butiran atau barang lain sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik.

**Penyitaan dokumen, dsb.**

**107.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan terhadap Akta ini, dia boleh menyita apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata akaun, apa-apa butiran atau barang lain sarna ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik yang dikemukakan di bawah seksyen 108 dan apa-apa buku, buku minit, daftar, penyata akaun, dokumen, apa-apa butiran atau barang lain itu hendaklah boleh diterima dalam mana-mana prosiding di dalam mahkamah di bawah Akta ini terhadap orang itu atau terhadap mana-mana orang lain.

**Permohonan waran geledah**

**108.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan, sedang digunakan atau hendak digunakan bagi, atau terdapat di dalam mana-mana premis, keterangan yang diperlukan untuk membuktikan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh memohon suatu waran geledah kepada seorang Majistret melalui maklumat bertulis secara bersumpah.

**Kuasa Majistret untuk mengeluarkan waran geledah**

**109.** Jika Majistret berpuas hati bahawa ada kesalahan dilakukan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, dia boleh mengeluarkan suatu waran geledah kepada pegawai penguat kuasa, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan —

- (a) untuk memasuki premis itu, dengan kekerasan jika perlu;
- (b) untuk menggeledah dan menyita dan melucut hak apa-apa buku, buku minit, daftar, penyata akaun, dokumen, apa-apa butiran atau barang lain sama ada dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik—
  - (i) yang berkaitan dengan sesuatu kesalahan yang telah dilakukan;
  - (ii) yang berkaitan dengan sesuatu kesalahan yang disyaki telah dilakukan; atau

- (iii) yang semunasabahnya dipercayai dapat digunakan sebagai keterangan terhadap kesalahan yang telah dilakukan itu;
- (c) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, supaya boleh masuk ke dalamnya;
- (d) untuk mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengeledahan, penyitaan atau pengalihan; atau
- (e) menahan tiap-tiap orang yang berada dalam premis itu sehingga premis itu selesai diperiksa.

### **Kuasa untuk memasuki premis tanpa waran atau notis**

**110.** Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud memastikan sama ada peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat pendaftaran di bawah Akta ini dipatuhi, mempunyai kuasa tanpa waran atau notis pada semua masa yang munasabah untuk memasuki mana-mana premis dan membuat siasatan atau pemeriksaan apabila terdapat sebab yang menasabah bahawa premis tersebut digunakan atau sedang digunakan bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan Malaysia, ketenteraman awam atau kemoralan.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**111.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa, disebabkan kelengahan mendapatkan suatu waran geledah di bawah seksyen 109 —

- (a) penyiasatan itu akan terjejas;
- (b) tujuan kemasukan itu mungkin akan terhalang;
- (c) buku, buku minit, daftar, penyata akaun, apa-apa butiran atau barang lain yang dicari mungkin dialihkan atau diganggu; atau
- (d) keterangan yang dicari mungkin diganggu atau dimusnahkan,

dia boleh menjalankan dalam, dan berkenaan dengan, premis itu segala kuasa yang secukupnya seolah-oleh dia telah diberi kuasa berbuat sedemikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Kuasa untuk mengelak**

**112.** (1) Jika pegawai penguat kuasa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana premis digunakan oleh mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, pegawai penguat kuasa itu boleh dengan serta-merta mengambil apa-apa tindakan yang disifatkannya perlu atau dengan apa-apa cara mengelak premis itu.

(2) Pegawai penguat kuasa, dalam menjalankan tugasnya di bawah seksyen ini, tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kos yang berbangkit daripada tindakan atau kerosakan pada premis yang dilakukan melainkan jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja.

(3) Apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah seksyen ini berkenaan dengan premis itu tidak menghalang pendakwaan terhadap mana-mana pertubuhan belia yang menggunakan premis itu secara berlawanan dengan Akta ini.

## **BAHAGIAN X PELBAGAI Pekhidmat**

### **awam**

**113.** Semua anggota dan pegawai Institut hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**114.** Akta Perlindungan Pihak Serkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau presiding terhadap Institut atau anggota Institut atau pegawai Institut berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atau Institut dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

**Kewajipan kerahsiaan**

**115.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Institut es tiada anggota Institut atau pegawai Institut atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Institut, sarna ada dalam tempoh jawatannya atau dalam tempoh pekerjaannya atau selepas itu, boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa melaksanakan fungsinya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini; dan

(b) tiada seorang pun orang lain yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Institut boleh mendedahkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya.

**Pewakilan dalam prosiding sivil**

**116.** Walau apa pun undang-undang bertulis yang lain —

(a) dalam apa-apa prosiding sivil oleh atau terhadap Institut; atau

(b) dalam apa-apa prosiding sivil yang lain yang dalamnya Institut dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Institut bagi maksud itu boleh, bagi pihak Institut, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan segala perbuatan berkenaan dengan prosiding itu, bagi pihak Institut.

**Pendakwaan**

**117.** Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

### **Perlindungan**

**118.** Tiada seorang atau anggota sesuatu jawatankuasa yang dibentuk atau dilantik di bawah Akta ini atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejennya boleh didakwa di mana-mana Mahkamah bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan olehnya dengan suci hati dan dalam menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan di bawah Akta ini.

### **Ketidaklayakan kos prosiding, ganti rugi atau relief lain, dsb.**

**119.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang disita atau ditahan pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Bahagian ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain, selain suatu perintah untuk pemulangan benda yang disita atau ditahan itu, atau bayaran berdasarkan nilainya, melainkan penyitaan atau penahanan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Pindaan Jadual**

**120.** Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Peraturan-peraturan**

**121.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan untuk atau berkenaan dengan segala atau mana-mana jua daripada hal yang berikut—

- (a) menetapkan cara pendaftaran bagi pertubuhan belia di bawah Akta ini;
- (b) menetapkan borang yang boleh digunakan untuk menjalankan peruntukan Akta ini;
- (c) menetapkan maklumat yang kena diberikan kepada Pendaftar;

- (d) menetapkan bayaran yang boleh dikutip di bawah Akta ini;
- (e) menetapkan cara Panel Penyelesaian Pertikaian bersidang atau secara amnya bagi penjalanan yang lebih baik akan tugas dan fungsi Panel Penyelesaian Pertikaian di bawah Akta ini;
- if) bentuk suatu daftar atau rekod lain yang hendaklah disimpan atau disenggarakan di bawah Akta ini dan catatan yang hendaklah dibuat dalam daftar dan rekod itu; dan
- (g) menetapkan apa-apa perkara lain yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana peraturan yang tersebut itu boleh mengadakan peruntukan bahawa pelanggaran mana-mana peraturan adalah suatu kesalahan terhadap peraturan itu dan boleh menetapkan hukuman penalti suatu denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan itu dan pemenjaraan.

#### **Kesalahan am**

**122.** Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara khusus apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

#### **Kuasa am Menteri**

**123.** Menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau pertubuhan belia daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* apabila berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas untuk berbuat demikian.

#### **Peruntukan peralihan**

**124.** (1) Semua permohonan untuk pendaftaran sebagai pertubuhan belia dan semua permohonan untuk kelulusan oleh pertubuhan sedemikian di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang belum selesai pada tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, pada tarikh itu, terhenti diuruskan di bawah Akta itu dan hendaklah diuruskan di bawah peruntukan Akta ini.

(2) Apa-apa prosiding atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebaik sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini di bawah Akta Pertubuhan 1966 boleh diteruskan atau dimulakan di bawah Akta itu seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

(3) Akta ini tidak menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(4) Mana-mana anggota yang dilantik atau dipilih sebagai pemegang jawatan dalam pertubuhan belia yang telah mencapai empat puluh tahun atau telah melebihi umur empat puluh tahun sebelum tarikh kuat kuasa Akta ini, hendaklah dibenarkan terus memegang jawatannya sehingga tamat tempohnya.

### **Pencegahan anomali**

**125.** (1) Menteri boleh, melalui perintah, membuat apa-apa ubah suaian dalam peruntukan Akta ini yang didapatinya perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh mula berkuat kuasanya Akta ini dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini.

(2) Dalam seksyen ini, "ubah suaian" termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, adaptasi, variasi, perubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

#### JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 1(2)(a)]

1. Akta Pandu Puteri 1953 [Akta 456]
2. Akta Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 540]
3. Akta Persatuan Pengakap-Pengakap (Perbadanan) Malaysia 1968 [Akta 409]
4. Akta (Perbadanan) St. John Ambulans Malaysia 1972 [Akta 74]

## JADUAL KEDUA

[Subperenggan 9(?)&gt;)(e)]

## PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH-KAEDAH PERTUBUHAN BELIA

1. Perkara-perkara yang peruntukan baginya dikehendaki dibuat dalam perlembagaan atau peraturan-peraturan bagi tiap-tiap pertubuhan belia berdaftar tempatan atau cawangannya adalah seperti yang berikut:

- (a) nama dan tempat urusan berdaftar atau alamat pos berdaftar bagi pertubuhan belia berdaftar itu;
- (b) butir-butir yang tepat mengenai sifat reka bentuk dan warna apa-apa bendera, lambang, lencana atau lain-lain tanda kebesaran yang digunakan oleh pertubuhan belia berdaftar itu;
- (c) maksud atau tujuan pertubuhan belia berdaftar itu ditubuhkan, atau yang ia hendak mencapai, atau yang kerananya kumpulan wangnya atau mana-mana daripadanya boleh digunakan;
- (d) kelayakan keanggotaan, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sekatan atau batasan yang boleh dikenakan tentang bilangan, had umur, jantina, agama, bangsa, tempat tinggal, suku bangsa atau nama baka bagi orang-orang yang boleh diterima menjadi anggota pertubuhan itu;
- (e) kaedah pelantikan atau pemilihan bagi anggota;
- (f) penubuhan dan kaedah pelantikan jawatankuasa atau badan pengelola dan jawatan, kuasa dan fungsi pemegang jawatan bagi pertubuhan dan jika berkenaan, cawangannya;
- (g) bahawa, jika Pendaftar menghendaki, pemegang jawatan bagi pertubuhan dan tiap-tiap pegawai yang melaksanakan fungsi eksekutif dalam pertubuhan itu, hendaklah warganegara Malaysia;
- (h) punca yang daripadanya pertubuhan akan mendapat pendapatannya, termasuk kadar dan kaedah pembayaran apa-apa bayaran masuk dan yuran berkala sebagaimana yang diputuskan;
- (i) kuasa atau kuasa-kuasa bagi perbelanjaan daripada kumpulan wang pertubuhan;
- (j) penyimpanan akaun pendapatan dan perbelanjaan pertubuhan dan penyiaran akaun itu kepada anggotanya setiap tahun;
- (k) pelantikan seorang atau beberapa orang juruaudit;
- (l) kuorum yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam mana-mana mesyuarat pertubuhan atau badan pengelolanya; dan
- (m) cara bagaimana perlembagaan atau peraturan-peraturan pertubuhan boleh dipinda.

2. Jika mana-mana pertubuhan belia berdaftar membuat peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedahnya bagi penubuhan cawangan, hendaklah juga sebagai tambahan membuat peruntukan di dalamnya berkenaan dengan kaedah dan cara bagaimana penubuhan cawangan itu akan diluluskan oleh pertubuhan itu atau badan pengelolanya.

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 60(7)]

**Masa dan tempat mesyuarat**

1.(1) Lembaga hendaklah mengadakan seberapa mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada tiga bulan berlalu antara mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta berbuat demikian oleh Menteri atau oleh sekurang-kurangnya dua orang anggota Lembaga.

**Kuorum**

2. Kuorum Lembaga ialah separuh daripada bilangan anggota Lembaga.

**Undi pemutus**

3. Jika mengenai apa-apa soal yang hendak ditentukan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

**Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

4. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (1) hendaklah di bayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

**Minit**

5. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang

dinyatakan di dalamnya tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga dengan prosiding yang minitnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

#### **Tatacara**

6. Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

#### **Penzahiran kepentingan**

7. (1) Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang anggota Lembaga hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam perkara yang dibincangkan jika dia mempunyai kepentingan dalam mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti yang serupa atau berhubung dengan perkara yang dibincangkan.

(3) Sesuatu penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan selepas penzahiran itu, anggota yang mempunyai kepentingan dalam perkara itu —

- (a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam apa-apa keputusan Lembaga; dan
- (b) tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga telah melanggar peruntukan seksyen ini.

#### **HURAIAN**

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 ("Akta") yang dicadangkan ini bertujuan bagi memperuntukkan mengenai pendaftaran pertubuhan belia, menggalak dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan sumber manusia, menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan bagi memperuntukkan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

#### **BAHAGIAN I 2. Bahagian I**

memperkatakan tentang perkara permulaan.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta. Di bawah *fasal* ini, Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.
4. *Fasal 2* mengandungi tafsiran perkataan tertentu yang digunakan dalam Akta ini.

## BAHAGIAN II

5. Bahagian II memperkatakan tentang pentadbiran Akta.
6. *Fasal 3* memperkatakan tentang pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah.
7. *Fasal 4* memperkatakan tentang pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, pegawai dan pekhidmat lain.
8. *Fasal 5* memperuntukkan kuasa dan kewajipan pendaftar.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk memperuntukkan mengenai perwakilan kuasa Pendaftar kepada Timbalan Pendaftar atau mana-mana Penolong Pendaftar tertakluk kepada apa-apa sekatan dan batasan.

## BAHAGIAN III

10. Bahagian III memperkatakan tentang pendaftaran dan penyeliaan pertubuhan belia.

### Bab 1

11. *Fasal 7* bertujuan menghendaki pertubuhan belia, selain pertubuhan belia yang termasuk dalam subsekyen (2) supaya memohon untuk didaftarkan untuk menjalankan aktiviti di bawah Akta ini. *Fasal* ini juga memperuntukkan mengenai pendaftaran pertubuhan belia yang telah sedia berdaftar dan wujud di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*].
12. *Fasal 8* memperkatakan tentang kuasa Pendaftar untuk menghendaki maklumat.
13. *Fasal 9* memperkatakan tentang kuasa Pendaftar untuk mendaftar dan menolak pendaftaran pertubuhan belia dalam keadaan yang dinyatakan dalam *fasal*.
14. *Fasal 10* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perakuan pendaftaran.

## Bab 2

15. *Fasal 11* mengandungi peruntukan yang terpakai kepada pertubuhan belia berdaftar.
16. *Fasal 12* memperuntukkan bahawa ketua pertubuhan belia tidak boleh memegang jawatan untuk tempoh enam tahun secara berterusan.
17. *Fasal 13* menyenaraikan keadaan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi atau kekal, sebagai pemegang jawatan, penasihat atau pekerja pertubuhan belia berdaftar. *Fasal* ini juga memperuntukkan mengenai pemberhentian kehilangan kelayakan.
18. *Fasal 14* membenarkan mana-mana pemegang jawatan pertubuhan belia untuk membuat representasi kepada Pendaftar sebelum dia boleh didapati hilang kelayakan oleh Pendaftar daripada memegang jawatan.
19. *Fasal 15* memperuntukkan mengenai syarat pemberhentian kehilangan kelayakan.
20. *Fasal 16* memperuntukkan mengenai pemeriksaan dokumen dan menerangkan nilai salinan keterangan yang diakui sah oleh Pendaftar.
21. *Fasal 17* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pertubuhan belia berdaftar tidak boleh menukar nama atau tempat urusannya atau meminda kaedah-kaedahnya tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftar.
22. *Fasal 18* memperuntukkan bahawa pertubuhan belia berdaftar tidak boleh menubuhkan cawangan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftar. *Fasal 18* juga memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini, selain *Fasal 7*, *9* dan *10* hendaklah terpakai kepada mana-mana cawangan pertubuhan belia berdaftar yang diluluskan di bawah seksyen ini seolah-olah cawangan berkenaan adalah pertubuhan belia berdaftar di bawah Bahagian IV Akta ini.
23. *Fasal 19* mengandungi peruntukan mengenai tanggungan pertubuhan belia berdaftar berkenaan kontrak yang dibuat oleh cawangan.
24. *Fasal 20* memberi Pendaftar kuasa untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan belia berdaftar dan menggantung kesemua atau mana-mana aktiviti pertubuhan belia di bawah keadaan yang disenaraikan di dalam *fasal* ini.
25. *Fasal 21* memperkatakan tentang kuasa Pendaftar membuat perintah tertentu berkenaan dengan pertubuhan belia berdaftar.
26. *Fasal 22* memperuntukkan tentang kuasa Pendaftar untuk mengarahkan pertubuhan belia berdaftar supaya mengemukakan maklumat.
27. *Fasal 23* memberi Pendaftar kuasa meluluskan audit dan perintah sementara untuk pembubaran.

28. *Fasal 24* mengenakan tanggungjawab ke atas setiap pemegang jawatan dan setiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan belia di Malaysia supaya membekalkan maklumat apabila dia telah diserahkan dengan arahan yang diberikan oleh Pendaftar.

29. *Fasal 25* memperuntukkan mengenai kesan perintah Menteri di bawah *fasal 33*, penolakan Pendaftar untuk mendaftarkan pertubuhan belia di bawah *fasal 9* dan pembatalan pendaftaran pertubuhan belia di bawah *fasal 20*.

30. *Fasal 26* memperuntukkan bahawa/asa/ *25* hendaklah terpakai ke atas cawangan pertubuhan belia berdaftar yang menyalahi undang-undang dan hartanya dalam cara yang sama sebagaimana ia terpakai ke atas pertubuhan belia berdaftar dan hartanya.

31. *Fasal 27* memperuntukkan mengenai perletakan harta pertubuhan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya kepada pertubuhan belia berdaftar yang baru.

### Bab 3

32. *Fasal 28* memperuntukkan bahawa mana-mana pertikaian yang tidak dapat diselesaikan dalam pertubuhan belia hendaklah dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusannya; dan mana-mana pihak yang bertikai yang terkilan dengan keputusan Pendaftar hendaklah merayu kepada Panel Penyelesaian Pertikaian.

33. *Fasal 29* memperuntukkan mengenai pembentukan dan kuasa Panel Penyelesaian Pertikaian.

### Bab 4

34. *Fasal 30* bertujuan untuk membenarkan mana-mana pertubuhan belia, pemegang jawatan atau anggota pertubuhan belia tersebut atau mana-mana orang lain yang terkilan dengan keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian dan Pendaftar supaya merayu kepada Menteri terhadap keputusan tersebut.

### Bab 5

35. *Fasal 31* mengenakan tanggungjawab ke atas setiap pertubuhan belia berdaftar supaya bertindak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri semasa menjalankan aktiviti dan semasa mengendalikan hal ehwalnya.

36. *Fasal 32* memperuntukkan bahawa pertubuhan belia hendaklah disifatkan didaftarkan di Malaysia, jika mana-mana pemegang jawatannya atau anggotanya tinggal di Malaysia atau pun berada di Malaysia, atau jika mana-mana orang di Malaysia mengurus atau membantu dalam pengurusan pertubuhan belia tersebut atau mengutip wang atau yuran bagi pihaknya.

37. *Fasal 33* memberi Menteri kuasa untuk mengisytiharkan pertubuhan belia sebagai nsenyalahi undang-undang.

## BAHAGIAN IV

38. Bahagian IV memperkatakan tentang pembangunan belia.
39. *Fasal 34* memberi Menteri kuasa untuk mengadakan atau mengeluarkan dasar berkenaan perkara yang berhubungan dengan pembangunan belia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan sumber manusia.

## BAHAGIAN V

40. Bahagian V mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Majlis Perundingan Belia Negara.
41. *Fasal 35* bertujuan memperuntukkan mengenai penubuhan Majlis Perundingan Belia Negara. *Fasal 36* dan *37* menyenaraikan fungsi dan anggota Majlis.
42. *Fasal 38* memberi Menteri kuasa menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana persidangan atau mesyuarat Majlis.
43. *Fasal 39* mengandungi peruntukan mengenai tempoh memegang jawatan anggota Majlis.
44. *Fasal 40* memperkatakan tentang pembatalan pelantikan anggota Majlis dan peletakan jawatan mereka.
45. *Fasal 41* menerangkan keadaan di mana jawatan anggota Majlis dikosongkan.
46. *Fasal 42* memperuntukkan mengenai pengisian kekosongan dalam Majlis.
47. *Fasal 43* memberi Majlis kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantunya.
48. *Fasal 44* memperkatakan tentang sekretariat bersama dan pelantikan setiausaha kepada sekretariat bersama.
49. *Fasal 45* memperuntukkan mengenai bayaran saraan dan elaun kepada Majlis dan anggota jawatankuasa.
50. *Fasal 46* mengandungi peruntukan mengenai persidangan Majlis.
51. *Fasal 47* memperuntukkan mengenai kehilangan kelayakan menjadi anggota Majlis.
52. *Fasal 48* memberi Menteri kuasa, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, untuk meluluskan peruntukan kewangan tahunan Majlis.

BAHAGIAN VI

53. Bahagian VI mengandungi peruntukan mengenai badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

Bab 1

54. *Fasal 49* memperuntukkan bahawa Majlis Belia Malaysia hendaklah menjadi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang menggabung dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya. *Fasal* ini juga menyenaraikan objektif badan induk pertubuhan belia kebangsaan.

55. *Fasal 50* menerangkan fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

56. *Fasal 51* meletakkan tanggungjawab ke atas badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan untuk mengemukakan laporan tahunan kepada Menteri.

Bab 2

57. *Fasal 52* memperkatakan tentang permohonan untuk penguntukan tahunan badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

58. *Fasal 53* memberi Menteri kuasa untuk meluluskan penguntukan atau bantuan kewangan.

59. *Fasal 54* mengandungi peruntukan mengenai akaun dan audit badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

BAHAGIAN VII

60. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Bab 1

61. *Fasal 55* memperuntukkan mengenai penubuhan Institut.

62. *Fasal 56* membenarkan Institut mempunyai meterai perbadanan.

63. *Fasal 57* dan *58* memperkatakan tentang fungsi dan kuasa Institut.

Bab 2

64. *Fasal 59* dan *60* memperuntukkan mengenai penubuhan dan keanggotaan Lembaga Pengarah.

65. *Fasal 61* memperkatakan tentang kuasa dan fungsi Lembaga.
66. *Fasal 62* memperuntukkan mengenai tempoh memegang jawatan seseorang anggota Lembaga.
67. *Fasal 63* memperkatakan tentang pembatalan pelantikan anggota Lembaga dan perletakan jawatan mereka.
68. *Fasal 64* menerangkan keadaan yang membuat jawatan anggota Lembaga dikosongkan.
69. *Fasal 65* bertujuan memperuntukkan mengenai perwakilan fungsi dan kuasa Lembaga.
70. *Fasal 66* memperuntukkan mengenai kuasa Lembaga untuk melantik jawatankuasa tertentu yang difikirkannya perlu atau dikehendaki bagi membolehkan jawatankuasa itu menjalankan kuasa Lembaga dan melaksanakan fungsi Lembaga di bawah Akta ini.
71. *Fasal 67* memperuntukkan mengenai bayaran saraan dan elaun kepada anggota Lembaga.
72. *Fasal 68* memberi Menteri kuasa mengeluarkan arahan kepada Lembaga.
73. *Fasal 69* mengandungi peruntukan mengenai kesahan perbuatan dan presiding Lembaga.

### Bab 3

74. *Fasal 70* menerangkan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif Institut.
75. *Fasal 71* memperuntukkan mengenai pelantikan pegawai Institut.

### Bab 4

76. *Fasal 72* memperuntukkan mengenai penubuhan "Kumpulan Wang Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia".
77. *Fasal 73* menerangkan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.
78. *Fasal 74* menghendaki Institut untuk menyediakan anggaran perbelanjaan.
79. *Fasal 75* meletakkan kewajipan ke atas Institut untuk memulihara Kumpulan Wang.
80. *Fasal 76* membenarkan Institut untuk melaburkan wangnya.

81. *Fasal 77* menghendaki Institut menyimpan akaun Kumpulan Wang dan laporan mengenai aktiviti-aktivitinya dengan sepatutnya. Institut dikehendaki supaya menghantar kepada Menteri penyata akaun dan penyata aktivitinya selepas berakhirnya tahun kewangan itu dan Menteri akan menyebabkan penyata tersebut dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen. *Fasal* ini juga memperuntukkan mengenai pemakaian Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] ke atas Institut.

82. *Fasal 78* membenarkan Lembaga menentukan tatacara kewangannya sendiri.

83. *Fasal 79* menyatakan bahawa tahun kewangan Institut hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

#### BAHAGIAN VIII

84. Bahagian VIII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan di bawah Akta ini.

85. *Fasal 80* menerangkan keadaan yang membuat pertubuhan belia menjadi pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

86. *Fasal 81* hingga *87* bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti berhubung dengan pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

87. *Fasal 88* memperkatakan tentang tanggungan pemegang jawatan dalam pertubuhan belia yang pendaftarannya telah dibatalkan.

88. *Fasal 89* bertujuan memperuntukkan kesalahan dan penalti ke atas mana-mana orang atau pertubuhan belia yang mempamerkan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau apa-apa tanda kebesaran yang tidak diluluskan oleh Pendaftar atau yang bertentangan dengan mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pendaftar.

89. *Fasal 90* memperuntukkan mengenai tanggungan pemegang jawatan berkenaan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan belia.

90. *Fasal 91* memperuntukkan pertubuhan belia yang menggunakan upacara kongsi gelap hendaklah disifatkan sebagai pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang. *Fasal* ini juga bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti yang berhubung dengan seseorang yang terlibat dalam aktiviti pertubuhan berkenaan.

91. *Fasal 92* bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti yang berhubung dengan penyalahgunaan wang atau harta pertubuhan belia berdaftar.

92. *Fasal 93* bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti berhubung dengan mempamerkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang telah dibatalkan.

93. *Fasal 94* memperuntukkan mengenai hukuman untuk fraud.

94. *Fasal 95* memperuntukkan mengenai penalti yang berhubung dengan pemberian maklumat palsu.
95. *Fasal 96* menerangkan anggapan yang terpakai dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.
96. *Fasal 97* memperuntukkan mengenai anggapan keanggotaan, dsb., pertubuhan belia.
97. *Fasal 98* memperuntukkan bahawa keterangan pakar tidak boleh dibantah semata-mata atas alasan bahawa pakar tersebut bukan atau tidak pernah menjadi anggota mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.
98. *Fasal 99* bertujuan memperuntukkan mengenai perlindungan kepada pemberi maklumat.
99. *Fasal 100* bertujuan membenarkan rampasan apa-apa buku, akauan, tulisan, sepanduk, tanda kebesaran atau harta lain kepunyaan mana-mana pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.
100. *Fasal 101* bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan yang disifatkan sebagai boleh ditangkap dan tidak boleh dijamin dan juga disifatkan kena didaftarkan.

#### BAHAGIAN IX

101. Bahagian IX mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan dan penyiasatan.
102. *Fasal 102* bertujuan memberi Menteri kuasa melantik pegawai penguatkuasa yang perlu untuk tujuan Akta ini.
103. *Fasal 103* memperuntukkan bahawa mana-mana pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai kuasa menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.
104. *Fasal 104* memperuntukkan bahawa setiap pegawai penguat kuasa hendaklah diberikan kad kuasa dan hendaklah apabila diminta mengemukakan kad kuasanya.
105. *Fasal 105* memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa memeriksa seseorang yang mempunyai kaitan dengan kes.
106. *Fasal 106* memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk menghendaki pengemukaan dokumen, dsb., oleh mana-mana orang semasa penyiasatan atau pemeriksaan.
107. *Fasal 107, 108, 109, 110 dan 111* memperkatakan tentang peruntukan yang berhubung dengan penyitaan dokumen, permohonan untuk waran geledah, kuasa Majistret mengeluarkan waran geledah, kuasa memasuki premis tanpa waran atau notis dan menggeledah dan menyita tanpa waran.

108. *Fasal 112* memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan kuasa untuk mengelak.

#### BAHAGIAN X

109. Bahagian X mengandungi peruntukan pelbagai.

110. *Fasal 113* memperuntukkan bahawa semua anggota dan pegawai Institut hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam.

111. *Fasal 114* memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai kepada apa-apa tindakan, guaman, presiding atau pendakwaan terhadap Institut atau anggota Institut atau pegawai Institut.

112. *Fasal 115* melarang pendedahan maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal Institut kecuali di bawah keadaan tertentu.

113. *Fasal 116* memperkatakan tentang perwakilan dalam presiding sivil.

114. *Fasal 117* memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

115. *Fasal 118* memperuntukkan mengenai perlindungan terhadap guaman dan presiding undang-undang kepada seseorang atau anggota jawatankuasa yang dibentuk atau dilantik di bawah Akta ini atau mana-mana pegawai, pengkhidmat atau ejen.

116. *Fasal 119* memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang timbul daripada mana-mana penyitaan apa-apa perkara semasa menjalankan kuasa di bawah Akta ini boleh didapati semula dalam presiding di hadapan mana-mana mahkamah kecuali penyitaan tersebut dibuat tanpa sebab yang munasabah.

117. *Fasal 120* memperuntukkan bahawa Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

118. *Fasal 121* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi memberi kesan yang lebih baik kepada peruntukan Akta ini.

119. *Fasal 122* memperuntukkan mengenai penalti untuk kesalahan am.

120. *Fasal 123* memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang atau pertubuhan belia daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

121. *Fasal 124* mengandungi peruntukan peralihan.

122. *Fasal 125* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat pindaan, tambahan, pemotongan dan lain-lain bertujuan untuk menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh mula berkuat kuasanya Akta **ini**.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2517]